

**Bil. 10**

**Isnin  
26 Jun 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN** [Ruangan 1]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan  
(Pindaan) 1995 [Ruangan 19]

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan  
daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 67]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,  
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW  
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK STI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Pedawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN BASERI @ AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT @ SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

Yang Berhormat DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).

- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ TUAN CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOHNITY @ MAXIMUS BIN ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ PUAN G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).



- 
- Yang Berhormat TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU AK RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bangan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).

---

Yang Berhormat MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIN BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasar Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	: Said bin Sidik.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	: Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan	: Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen	: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop. Haji Suhor bin Husin.
Pelapor Perbahasan Parlimen	: Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Ismail bin Haji Hassan. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 26hb Jun, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada  
pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

SABAH — KAJIAN MASALAH  
PENERIMAAN SIARAN  
TELEVISYEN

1. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob  
minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian membuat kajian berapa banyakkah lokaliti atau daerah di Sabah yang masih belum dapat menerima siaran televisyen (TV1, TV2 dan TV3);
- (b) sedarkah pihak kementerian bahawa kawasan pedalaman Parlimen Sipitang masih belum boleh menerima siaran TV yang mana rakyat di situ dahagakan berita dan penerangan;
- (c) apakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mendirikan pemancar televisyen di kawasan tersebut dan bilakan ia dilaksanakan; dan

- (d) sebagai alternatif apakah kementerian ada rancangan untuk menghalalkan penggunaan antena parabola dan membekalkan kepada balai-balairaya kawasan pedalaman seluruh Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang tidak dapat menerima siaran pemancar dari RTM.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan:

- (a) Saya mohon memaklumkan & bahawa kerajaan telah membuat kajian dan mengenal pasti daerah-daerah di Sabah yang masih belum menerima siaran TV1 dan TV2. Terdapat 16 kawasan terlindung (pocket areas) yang belum menerima siaran TV dengan jelas. Ini termasuklah kawasan Sindumin, Meligan dan Pendawan di kawasan Parlimen Sipitang. Bagi TV3, kementerian telah memaklumkan kepada Syarikat Sistem Televisyen Malaysia Berhad agar dapat mengambil langkah untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi perkhidmatannya ke negeri Sabah.
- (b) Kementerian Penerangan sedang memasang pemancar TV di Tenom dan Pendawan dan dijangka siap pada akhir tahun 1995 ini. Untuk 14 tempat yang lain, pemasangan pemancar TV dijangka akan dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.
- (c) Saya mohon maklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan penggunaan alat terima parabola

bagi kawasan-kawasan terpencil yang belum lagi mendapat perkhidmatan TV bagi menyampaikan maklumat kepada rakyat jelata. Setakat ini beberapa kawasan terpencil di Sarawak iaitu di Long Kebok, di Mulu, di Lesong Laku dan Long Ligitan telah pun ditempatkan alat parabola ini bagi kaum Penan. Ia bertujuan bagi membolehkan masyarakat Penan mendapat maklumat dan berita serta mengikuti perkembangan kemajuan negara dari semasa ke semasa. Kajian juga sedang dibuat bagi kawasan pedalaman di Sabah untuk membolehkan alat terima parabola di kawasan-kawasan tersebut agar rakyat jelata di kawasan terpencil dapat menikmati perkhidmatan TV.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah pun membuat pengumuman bagi membenarkan penggunaan TVRO di seluruh negara pada tahun hadapan. Soalan saya, apakah tindakan akan diambil kepada pengguna-pengguna TVRO yang masih banyak terdapat di negara kita ini khususnya di Sarawak dan mungkin di setengah-setengah kawasan di Sabah?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, TVRO (TV Receiving Only) atau penerima alat parabola ini, apakah penggunaan alat ini nanti hanya boleh menerima pancaran atau siaran yang dikeluarkan melalui satelit MEASATT negara atau ianya boleh juga menerima pancaran-pancaran daripada siaran televisyen di seluruh dunia ini?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah TVRO yang banyak dipasang sekarang kita telah putuskan bahawa penggunaannya masih tidak sah dari segi undang-undang, baik Undang-undang Penyiaran mahupun Undang-undang Telekom. Namun begitu, usaha sedang dijalankan untuk mendaftar mereka yang mempunyai atau memasang TVRO sekarang supaya tindakan dapat kita ambil.

Saya hendak menyebutkan bahawa apabila kita sebut tentang kemungkinan penggunaan alat terima siaran atau TVRO ini, ia ada kaitan dengan keputusan kerajaan menjadikan Kuala Lumpur salah satu pusat serantau bagi perkhidmatan satelit TV melalui satelit MEASATT Malaysia ini. Kita fikir wajar dalam perkembangan satelit TV sekarang bahawa Malaysia mengambil peranan melalui satelit MEASATT untuk menyiarkan rancangan-rancangan satelit TV serantau ini.

Untuk membolehkan rakyat Malaysia menerima rangkaian satelit TV daripada MEASATT ini maka kita perlu meminda Akta Penyiaran, 1988 sebab tafsiran dalam akta itu tidak menyebut tentang TVRO ini. Maka langkah pertama yang patut kita buat ialah untuk meminda Akta Penyiaran yang kementerian jangka akan dapat dibentangkan di Parlimen untuk pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam persidangannya akan datang.

Dalam kita hendak menentukan TVRO atau alat parabola yang akan diizinkan ini peraturan akan dibuat mengenai saiz TVRO itu dan daripada mana signal atau daripada satelit mana signal itu akan dapat diterima. Setakat

ini kita sedang kaji tentang bentuk dan saiz TVRO yang akan diizinkan itu setelah kita berunding dengan pihak MEASATT yang akan mengendalikan rangkaian satelit TV ini. Peraturan-peraturan ini nanti akan dimaklumkan kepada orang ramai dan mengikut cadangan kementerian, hanya signal daripada MEASATT sahaja yang terletak kepada KU Band yang akan diterima oleh parabola yang akan kita tentukan selepas pindaan kepada Akta Penyiaran ini diluluskan nanti. Bererti selepas Akta ini dipinda untuk membolehkan penggunaan parabola yang bentuk dan saiznya akan ditentukan nanti, maka sebarang bentuk parabola yang lain daripada yang akan ditetapkan itu tidak akan dibenarkan kegunaannya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan yang memandang jauh ke hadapan untuk membenarkan TVRO itu digunakan. Cuma saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan akan menaikkan caj atau sewaan atau kerajaan masih 'maintain' dengan harga bayaran lesen TV yang ada pada hari ini untuk kegunaan TVRO itu?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, bagi lesen TV untuk perkhidmatan biasa, kerajaan telah memutuskan tidak akan menaikkan kadarnya. Tetapi oleh kerana perkhidmatan satelit TV ini adalah merupakan perkhidmatan tambahan, soal sama ada rakyat akan dikenakan apa-apa bayaran selain daripada langganan bulanan untuk menikmati perkhidmatan ini serta pembelian alat-alatan yang lain khusus untuk perkhidmatan satelit TV ini, kita pada

peringkat ini hanya sedang memikirkannya sahaja. Soal sama ada hendak dinaikkan kadar ini, ini nanti akan kita timbang dengan sebaik-baiknya kerana maksud kita perkhidmatan yang baru ini kalau dapat dinikmati oleh sebahagian besar daripada masyarakat kita dan ia tidak harus membebankan masyarakat. Tetapi andai kata dirasakan perlu untuk mengenakan sedikit bayaran, ini akan kita timbangkan kemudian.

### **PAKAIAN SERAGAM BAGI JURURAWAT BERAGAMA ISLAM**

**2. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pihak kementerian akan memberi keizinan kepada kakitangan wanitanya yang beragama Islam untuk memakai pakaian yang menutup aurat. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, peraturan pakaian seragam jururawat yang sedia ada memberi perhatian kepada aspek-aspek keselesaan pemakai, kesesuaian untuk tugas yang dijalankan, risiko jangkitan dan sebagainya. Aspek agama seperti menepati kehendak-kehendak Islam juga diberi perhatian dan berikutan itu kelonggaran diberikan untuk pemakaian penutup kepala dan seluar panjang.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian perlu mendapatkan nasihat daripada Pusat Islam dalam perkara yang berhubung dengan orang-orang Islam dan perkara-perkara yang berhubung dengan ajaran Islam? Adakah nasihat yang seperti itu pernah diminta?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pakaian seragam bagi semua kakitangan jururawat ditetapkan oleh satu jawatankuasa pakaian seragam di Kementerian Kesihatan dan pihak jawatankuasa ini apabila mendapat aduan berkenaan dengan pakaian ini telah membuat rundingan dan perbincangan lanjutan daripada itu dan dalam rundingan dan perbincangan ini, wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Islam telah turut diundang untuk membuat rundingan dan hasil daripada perbincangan ini pihak Kementerian Kesihatan bertindak di atas rumusan yang dibuat dalam keputusan Kabinet pada 7hb. Disember, 1988 mengenai pakaian seragam jururawat yang beragama Islam iaitu menggunakan budi-bicara supaya peraturan asal pakaian seragam itu disesuaikan secara fleksibel. Itu yang telah dilakukan.

**PROGRAM PEMBANGUNAN  
RAKYAT TERMISKIN —  
BILANGAN MENERIMA  
BANTUAN**

3. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengenal pasti dan mendaftar keluarga-keluarga termiskin di seluruh negara; dan
- (b) bilangan keluarga termiskin yang menerima bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di negeri Sarawak, pecahan mengikut daerah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah berusaha untuk menyediakan Daftar Rakyat Termiskin semenjak tahun 1991 lagi di mana Daftar Asas untuk seluruh negara telah dapat disediakan. Daftar Asas ini hanya mengandungi maklumat asas ketua keluarga, seperti nama, nombor kad pengenalan dan alamat. Selanjutnya, maklumat-maklumat tambahan berhubung dengan profail ketua isi rumah dan ahli isi rumah seperti jenis pekerjaan, tahap pendidikan, keadaan rumah dan kemudahan asas telah juga dikumpulkan. Pada peringkat pertama, usaha ini dijalankan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Usaha bagi penyediaan profail rakyat termiskin bagi negeri Sabah dan Sarawak masih diteruskan. Dengan adanya maklumat yang lebih lengkap kelak, perancangan pakej bantuan yang lebih sesuai dan tepat kepada golongan sasar dapat disediakan.

- (b) Bilangan keluarga termiskin yang telah menerima bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin di negeri Sarawak mengikut pecahan daerah semenjak 1989 hingga 1994 adalah seperti berikut:

Kucing	3,076
Bau	1,673
Lundu	1,430
Sri Aman	741

Saratok	781
Betong	959
Lubok Antu	686
Sibu	882
Dalat	981
Mukah	803
Kanowit	824
Miri	678
Baram	1,005
Limbang	1,183
Lawas	710
Sarikei	577
Maradong	176
Matu/Daro	1,992
Julau	904
Kapit	1,031
Belaga	933
Song	1,055
Samarahan	3,677
Serian	2,755
Simunjan	1,694
Bintulu	1,533
Tatau	200
<b>JUMLAH:</b>	<b>32,959</b>

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak kementerian bercadang untuk menambah jumlah bantuan yang diberikan di bawah skim PPRT ini, misalnya bantuan rumah daripada RM3,000 kepada RM5,000?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan untuk mengenal pasti rakyat termiskin dan membantu mereka dan bukannya untuk memberi bantuan sepanjang hayat mereka. Tujuannya ialah membantu keluarga termiskin untuk membantu diri sendiri. Oleh sebab itu pada masa kini kerajaan telah memberi RM3,000 untuk membina sebuah rumah dan lain-lain kemudahan asas Majlis Tempatan atau melalui Kementerian Pembangunan Luar bandar kita bekalkan. Pada masa kini kerajaan tidak bercadang untuk menambah tetapi mungkin di masa hadapan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ekonomi negara kita berkembang baik, apakah langkah yang lebih berkesan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengurangkan bilangan keluarga termiskin di negara kita supaya dapat mengurangkan kadar kemiskinan di bawah 10% menjelang tahun 2020?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan murni Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk menghapuskan ataupun mengurangkan sekurangnya ke 0.8% menjelang tahun 2000. Oleh sebab itu, kerajaan mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk mengurangkan. Di samping itu, saya minta, bukan pembasmian, kita mesti 'jahat' — jihad (*Ketawa*) ha! Kita tidak basmi, tetapi jihad terhadap kemiskinan. Oleh sebab itu, memperjuangkan ini bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga badan-badan sukarela NGO dan juga wakil rakyat pun boleh memainkan peranan masing-masing. Kita mesti megubah sikap kumpulan sasaran itu; itu yang utama. Kalau kita boleh



menukarkan sikap pihak yang menerima bantuan itu, kita boleh hapuskan atau pun kita boleh selesaikan masalah kemiskinan, tak payah tunggu tahun 2020, tetapi tahun 2000 kita boleh selesaikan.

#### **INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI—MEMPERSIAP TENAGA MAHIR**

**4. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah strategi yang dilaksanakan sebagai menyiapkan sumber manusia berteknologi tinggi selaras dengan dasar kerajaan mewujudkan perindustrian berteknologi tinggi di dekad yang akan datang.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kerajaan mewujudkan perindustrian berteknologi tinggi, di antara strategi-strategi penting yang diaturkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menyediakan sumber manusia berteknologi tinggi dan mencukupi adalah:

- (i) memperhebatkan galakan kepada majikan-majikan yang berkeelayakan supaya menggunakan kemudahan-kemudahan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk menghantar pekerja-pekerja mereka mengikuti latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran di dalam atau di luar negeri;
- (ii) memperluaskan lagi liputan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk merangkumi lebih banyak

perusahaan di dalam sektor industri kecil bagi memastikan sektor tersebut tidak tertinggal di dalam arus pembangunan industri berteknologi tinggi;

- (iii) menubuhkan 5 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) baru, sebuah Advanced Skill and Technology Centre (ASTEC), dengan izin, dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI), di samping mengembangkan infrastruktur dan meningkatkan kemudahan latihan di 10 buah ILP di seluruh negara dan sebuah Pusat Latihan Pengajar dan Kementerian Lanjutan (CIAST) yang sedia ada. Setelah ini disempurnakan sepenuhnya, Kementerian Sumber Manusia akan dapat menyumbang pertambahan 15,000 tenaga mahir dan terlatih yang baru setiap tahun, iaitu 10,000 lebih dari yang dikeluarkan sekarang.
- (iv) memperkenalkan latihan-latihan perindustrian/kemahiran di Institut-institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia yang menjurus kepada keperluan industri akan datang seperti automated manufacturing, communication technologies, computer-aided design, computer-aided manufacturing, computer numerical control, microelectronics dan technology management.

- (v) menjalankan Program Pendedahan Kemahiran (PPK) tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM/SPVM dan lepasan SPM/SPVM bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan di atas kemahiran asas perindustrian untuk mereka membuat pilihan kerjaya atau bidang latihan di masa akan datang. Program latihan satu minggu tersebut telah dilaksanakan tahun lepas sebanyak dua kali pengambilan dan setiap pengambilan dapat menampung seramai 1,170 peserta. Peserta-peserta ini diberi latihan di 10 buah Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian ini di seluruh negara dan kos latihan mereka dibiayai sepenuhnya. Bidang utama yang ditawarkan melalui PPK adalah bidang mekanikal, elektrik, bangunan dan percetakan; dan
- (vi) menawarkan program yang dikenali sebagai Time Sector Privatisation Scheme, dengan izin, untuk membolehkan sektor swasta menggunakan kemudahan latihan di institusi latihan awam dalam bentuk peralatan dan tempat latihan. Latihan-latihan separuh masa dan jangka pendek ini dikendalikan oleh institut atau industri itu sendiri pada waktu petang, hujung minggu atau semasa cuti semester institut berkenaan. Tiga jenis program dijalankan iaitu program bersama, program modular dan program terlanggan (customised services), dengan izin.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah syarikat-syarikat kecil yang tidak mampu menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia tadi, mereka boleh diizinkan untuk mendapat bantuan daripada tabung yang telah pun terkumpul untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja-pekerjanya? Soalan pertama.

Yang kedua, saya kurang pasti advanced skill training centre ini beroperasi atau belum. Sekiranya belum, bila dia hendak dimulakan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**

Tuan Yang di-Pertua, levi yang dikenakan kepada syarikat-syarikat hanyalah 1% sahaja dari jumlah monthly salary, iaitu kalau upahan bulanan itu rendah, maka rendah sahaja. Tetapi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang kita sedang memikir juga. Namun demikian, saya rasa syarikat-syarikat kecil boleh juga ambil kesempatan dari berbagai-bagai latihan yang telah pun saya nyatakan tadi termasuk latihan Time Sector Privatisation Scheme.

Mengenai institut-institut yang dinyatakan oleh Yang Berhormat yang bertanya itu, semuanya memang sedang beroperasi sekarang. Tetapi Advanced Skilled and Technology Centre, itu masih setahu saya dalam persediaan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan dari segi strategi yang hendak dilaksanakan untuk menyediakan tenaga manusia sebagai pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi. Soalan saya ialah apakah pula strategi yang hendak dilaksanakan untuk menyediakan

tenaga pakar pada peringkat yang lebih tinggi, bukan sebagai pekerja tetapi sebagai experts.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, latihan yang diberi bukanlah sahaja untuk peringkat pekerja sahaja tetapi juga peringkat yang lebih tinggi lagi. Kalau hendak pergi sampai jadi expert, maka itu mungkin kita juga terpaksa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Pendidikan juga telah pun mempunyai berbagai-bagai rancangan termasuk rancangan baru yang telah diisytiharkan oleh Menteri Pendidikan, iaitu pekerja-pekerja yang telah pun dapat pengalaman untuk beberapa tahun dalam bidang-bidang tertentu dan mempunyai kelulusan SPM misalnya boleh memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka terus ke peringkat universiti.

#### **KESESAKAN KARGO LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG**

5. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah kesesakan kargo di gudang-gudang terikat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, yang disebabkan oleh jumlah besar kargo yang masuk dan keluar di situ tanpa disertai dengan pertambahan yang selaras dari segi ruang simpanan dan peralatan pengendalian, menyebabkan timbunan kargo terbiar tanpa dikendalikan di kawasan terbuka yang terdedah kepada perubahan cuaca, kerugian akibat kecurian, kerosakan dan melanggar peraturan kastam dan lain-lain lagi.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, kesesakan kargo di Lapangan

Terbang Antarabangsa Subang telah berlaku disebabkan oleh jumlah kargo yang dikendalikan olehnya meningkat secara mendadak dan di luar jangkaan. Jumlah kargo yang dikendalikan oleh MAS bagi tempoh bulan Julai sehingga bulan Disember 1994 telah meningkat sebanyak 40% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Dengan peningkatan kargo yang begitu pesat, sudah tentu memberi tekanan kepada ruang simpanan dan peralatan pengendalian yang sedia ada di Kompleks Kargo MAS.

Untuk mengatasi masalah kesesakan ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama semua pihak yang terlibat khususnya MAS telah mengambil beberapa langkah untuk meredakan keadaan. Di antara langkah-langkahnya ialah:

- (i) Peningkatan infrastruktur kompleks kargo termasuk penyediaan gudang-gudang terikat (bonded warehouse);
- (ii) Penyediaan ruang-ruang tambahan bagi pengendalian kargo yang berat dan besar;
- (iii) Penyediaan depot pelepasan dalaman (inland clearance depot), dengan izin, di Sungai Way bagi ejen-ejen kargo yang tidak mempunyai gudang terikat sendiri; dan
- (iv) Pertambahan alat-alat pengendalian kargo seperti forklift, jentera-jentera angkut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah mulai 15hb. Januari, 1995 MAS telah mengamalkan kaedah baru pengendalian kargo di kompleks kargo.

Di bawah kaedah ini, Kompleks Kargo MAS dijadikan sebagai Pusat Transit Laju (Rapid Transit Point), dengan izin, ianya bertindak seolah-olah sebagai sebuah pelabuhan di mana kargo yang diterimanya diproses dan diserahkan dalam masa yang singkat.

Melalui kaedah ini, kargo telah dapat diserahkan kepada ejen-ejen kargo dalam masa 6 jam setelah kapal terbang mendarat. Dan dengan itu, tekanan terhadap ruang kargo yang berlebihan untuk menyimpan kargo juga dikurangkan. Dengan langkah-langkah jangka pendek dan tindakan yang diambil itu, kesesakan kargo di Lapangan Terbang Subang telah beransur reda dan kini telah kembali ke keadaan sediakala.

Untuk menampung keperluan di masa hadapan, MAS juga telah melaksanakan dua projek tambahan:

- (i) pembinaan dua blok tambahan gudang terikat yang dijangka siap pada penghujung bulan Julai tahun ini; dan
- (ii) pembinaan sebuah gudang kargo di dalam kompleks kargo untuk agensi-agensi kargo yang kini menggunakan kemudahan di depot pelepasan dalaman yang dijangka siap pada penghujung bulan Jun tahun ini.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang telah diambil serta dengan siapnya projek-projek yang saya sebutkan tadi, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang akan mempunyai kapasiti untuk menampung peningkatan kargo sehingga tahun 1997.

Pada tahun 1998, apabila lapangan terbang baru KLIA di Sepang beroperasi, ianya akan dapat mengendalikan se-

banyak 1 juta tan kargo setahun pada peringkat pertama dan kapasitinya boleh ditingkatkan kepada 5 juta tan setahun kemudian kelak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat kata bahawa masalah ialah oleh kerana pertambahan kargo luar jangka dan bahawa masalah ini sudah diatasi, bukannya peristiwa ini menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak ada satu mekanisma yang dimana apabila masalah sama ada luar jangka atau oleh kerana tidak boleh anticipate masalah-masalah yang timbul boleh bertindak dengan segera, dengan cekap dan tidak perlu mengambil masa lapan bulan atau satu tahun barulah selesai selepas kerugian yang begitu besar dan rintihan-rintihan oleh mereka yang menghadapi kerugian?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, unjuran-unjuran atau fokus-fokus sukar dibuat dengan tepat sekali, misalnya pada tahun 1992 badan yang terkemuka iaitu AITA telah membuat unjuran iaitu kargo di Lapangan Terbang Subang akan meningkat sebanyak 6% setahun tetapi apa yang terdapat pada tahun 1992 adalah hanya tempat keperluan 4.2%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya berpendapat iaitu pemulihan keadaan yang telah terjadi di Lapangan Terbang Subang adalah telah dibuat dalam masa yang singkat sekali.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada bolehkah beliau memberikan tentang jumlah kerugian yang dialami. Dan adakah kerugian yang dialami oleh pihak-pihak yang menyimpan kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telah dibayar ganti rugi akibat unjuran-unjuran yang tidak tepat atau perangkaan yang tidak tepat oleh pihak kementerian?

Yang kedua, adakah pihak kementerian juga sedar tentang 'opportunity lost' yang dialami oleh negara akibat masalah kesesakan kargo, bukan sahaja di gudang Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tetapi juga di pelabuhan-pelabuhan seperti mana yang dinyatakan dalam satu laporan di muka depan *The New Straits Times* iaitu surat khabar Barisan Nasional sendiri, di mana adalah dinyatakan 'opportunity lost' adalah sebanyak RM100 bilion setahun. Kalau ini tidak benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri membetulkan laporan atau maklumat salah yang dibuat oleh *The New Straits Times* ini?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai kerugian. Itu saya perlukan notis oleh kerana soalan itu adalah khusus sangat.

Mengenai soalan yang ke dua, sama ada adakah benar atau tidak iaitu melalui pelabuhan-pelabuhan atau melalui eksport-eksport dan import-import yang telah dikendalikan melalui Pelabuhan Singapura, adakah benar kerugian negara adalah sebanyak RM100 bilion, ini adalah sesuatu angka yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perlu difahami iaitu sejak masa 80-an, dengan izin, comparative natural advantage Malaysia dengan Singapura dari segi kos buruh dan juga kos tanah dan kos kerja semuanya telah begitu rendah di Malaysia jika berbanding dengan Singapura.

Dan sejak tahun 80-an banyak industri-industri dari Singapura telah berpindah ke Malaysia dan sehingga 1993 Singapura telah menjadi pelabur yang keempat terbesar di manufacturing sector di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bukan sahaja banyak eksport-eksport akan melalui Singapura tetapi banyak import akan datang dari Singapura dan

seluruh dunia ke Malaysia sebagai bahan-bahan mentah untuk proses manufacturing, bahan-bahan intermediate untuk proses manufacturing. Dan jikalau proses itu tidak dihabiskan di Malaysia dan perlu satu peringkat lagi di Singapura, ianya akan di eksport keluar daripada Malaysia ke Singapura untuk dihabiskan proses itu dan selepas itu di eksport semula sebagai eksport Singapura. Dan semua ini adalah berkaitan dan tidak boleh dilihat sebagai perkara-perkara yang tidak berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

(Soalan No. 6 — Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir)

**LEMBAGA PERUSAHAAN  
PEMBINAAN — FUNGSI  
MEMASTIKAN KESELAMATAN**

**7. Tuan Vincent Lim Kuo Phau** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) setakat manakah Lembaga Perusahaan Pembinaan (Construction Industry Board) telah berjaya memenuhi peranan dan fungsinya dalam sektor pembinaan;
- (b) apakah sebabnya tidak wujud perwakilan dari Institut Jurutera Malaysia (IEM) dalam Lembaga Perusahaan Pembinaan ini;
- (c) apakah pula langkah-langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Lembaga Perusahaan Pembinaan ini dalam memastikan keselamatan di sektor pembinaan;

- (d) adalah dilaporkan baru-baru ini bahawa jika gempa bumi berlaku di Sumatera, bangunan-bangunan tinggi di Kuala Lumpur dan Singapura akan terjejas dan menghadapi risiko tinggi ia akan runtuh, adakah kementerian sedar bahawa di negara ini tidak wujud langsung kesedaran dan perakuan mengenai risiko gempa bumi. Apakah kementerian dan Lembaga Perusahaan Pembinaan akan mengambil langkah-langkah dan tindakan untuk memastikan wujudnya suatu peraturan pembinaan bangunan demi mengawal risiko gempa bumi; dan
- (e) siapakah yang bertanggungjawab meluluskan pembinaan unipole untuk tujuan pengiklanan itu demi menjaga keselamatan orang ramai. Di samping itu, badan dan peraturan manakah yang bertanggungjawab ke atas tukang pateri (welders) yang memateri struktur-struktur keluli.

**Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah diwartakan pada bulan Julai 1994. Lembaga ini hanya wujud dengan rasminya mulai 1hb. Disember, 1994. Lembaga belum beroperasi sepenuhnya kerana bahagian VI, VII dan VIII akta belum lagi dikuatkuasakan. Dalam melaksanakan ak-

tivitinya lembaga menghadapi beberapa masalah pentadbiran. Oleh itu, adalah terlalu awal untuk mengukur sama ada lembaga telah memenuhi peranan dan fungsinya.

- (b) Anggota-anggota lembaga dilantik oleh Menteri Kerja Raya berasaskan kepada keupayaan dan sumbangan yang dijangka boleh diberikan oleh seseorang individu itu kepada industri pembinaan. Perlantikan tidak dibuat dari perwakilan mana-mana pertubuhan di dalam industri pembinaan. Walau bagaimanapun, mengikut statistik dari 11 anggota-anggota lembaga yang telah dilantik termasuk Pengerusi, 6 adalah terdiri dari jurutera yang pada masa yang sama adalah ahli Institut Jurutera Malaysia.
- (c) Semua sektor termasuk sektor pembinaan hendaklah mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Penguatkuasaan akta ini dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Dalam aspek-aspek keselamatan di tapak bina lembaga akan berkerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Salah satu langkah yang mungkin diambil ialah mengambil tindakan tatatertib terhadap kontraktor yang cuai mengakibatkan pekerjaanya terlibat dalam kemalangan. Lembaga akan bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk memastikan akta berkenaan di laksanakan sepenuhnya di tapak bina.

- (d) Pereka bentuk (designer) sesebuah struktur atau bangunan akan berpandukan kepada 'code of practice' apabila menyediakan rekaannya. "Code of practice" yang diamalkan telah pun memuatkan faktor-faktor yang perlu diambil kira seperti gempa bumi, kadar tiupan angin kencang dan sebagainya. Oleh itu, tidak perlu diwujudkan peraturan pembinaan untuk mengawal risiko gempa bumi.
- (e) Tanggungjawab meluluskan pembinaan unipole adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Tukang-tukang pateri yang membuat pemasangan haruslah mematuhi spesifikasi pemasangan yang telah ditetapkan dan penyeliaan dan penerimaan kerja pembinaan yang telah dilaksanakan adalah juga tanggungjawab pihak berkuasa tempatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejak Lembaga Perusahaan Pembinaan (CIB) telah diluluskan dalam Dewan ini pada tahun lepas, adakah beliau sedar tentang masalah yang akan dialami oleh pihak-pihak kontraktor, khususnya dalam peperiksaan yang akan dijalankan oleh Lembaga ini, kerana bahasa pengantar adalah satu perkara yang amat besar. Adakah beliau bercadang, jikalau dalam mana-mana peperiksaan yang akan dijalankan, supaya certification akan diberikan nanti, bahawa kelonggaran akan diberi supaya peperiksaan akan dijalankan dalam bahasa, selain daripada bahasa Malaysia, memandangkan banyak kontraktor-kontraktor terbabit terdiri daripada mereka yang tidak berapa fasih dalam bahasa Malaysia.

Saya menimbulkan perkara ini kerana, kalau ini tidak diatasi, ia akan menimbulkan masalah yang amat besar dalam industri pembinaan ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, iaitu bahagian 6, 7 dan 8 adalah bahagian yang mengandungi beberapa perkara berkenaan dengan pendaftaran kontraktor-kontraktor. Kontraktor-kontraktor yang sedang mengadakan pekerja lebih dari 3 orang mesti berdaftar dengan Lembaga ini tetapi kontraktor-kontraktor yang sedang menjalankan perniagaan di mana-mana di tanahair kita tidak payahlah mengadakan apa-apa peperiksaan oleh kerana mereka menjadi kontraktor sekarang, mereka juga boleh terus didaftarkan. Tetapi kontraktor-kontraktor baru yang akan mula didaftar, pada masa itu kita akan timbangkan macam mana masalahnya. Kalau ada juga masalah, kita timbanglah macam mana. Walau bagaimanapun kita mahu kontraktor-kontraktor di tanah air kita mendapat pengalaman dalam bahasa Malaysia, itu penting, oleh kerana jikalau mereka tidak mempunyai pengalaman di dalam bahasa Malaysia, macam manakah mereka boleh berhubung dengan pekerja-pekerja mereka sendiri? Macam manakah mereka boleh berhubung dengan pentadbiran-pentadbiran kerajaan atau pentadbiran-pentadbiran peringkat negeri.

**Tuan Lim Guan Eng:** (Bangun)

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sekejap lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengadakan peperiksaan, selain daripada bahasa Malaysia!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Itu kita akan timbang.

**PENYUSUNAN SEMULA  
MASYARAKAT — KEJAYAAN  
BUMIPUTERA**

**8. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan setakat manakah rancangan penyusunan semula masyarakat yang dijalankan oleh kerajaan sudah berjaya dan usaha-usaha yang sudah dan sedang dijalankan oleh kerajaan untuk menolong bumiputera di negara ini menceburkan diri di dalam bidang perniagaan.

**Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan bagi tahun 1970 dan 1990, tidak dapat dinafikan bahawa rancangan penyusunan semula masyarakat telah mencatatkan beberapa kejayaan walaupun tidak sepenuhnya. Dalam tempoh tersebut, pemilikan harta oleh bumiputera individu dan agensi amanah telah bertambah daripada 4.3% kepada 20.3% iaitu kurang 9.7% daripada matlamat 30% yang ditetapkan.

Dari segi guna tenaga, bilangan bumiputera profesional dalam profesion bergaji tinggi seperti arkitek, jurutera, jurubina, akauntan dan doktor, bilangan ini telah bertambah daripada 5.8% iaitu 225 orang dalam tahun 1970 kepada 31.9% iaitu 15,505 orang dalam tahun 1992 daripada bilangan keseluruhan profesional di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berazam untuk terus berusaha bagi mencapai matlamat 30%. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah dilancarkan pada tahun 1991 bagi tempoh 10 tahun sehingga tahun 2000 terkandung di dalamnya Dasar Pembangunan Nasional di mana penyusunan semula masyarakat terus menjadi salah satu

matlamatnya dengan penekanan kepada pengwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Untuk menjayakan program yang dinyatakan itu, kerjasama daripada sektor swasta sangatlah diperlukan, terutama untuk mewujudkan peluang-peluang perniagaan, bertindak sebagai syarikat-syarikat anchor, syarikat-syarikat payung dan francais serta lain-lain bentuk penglibatan dalam pembangunan usahawan. Prospek ekonomi negara yang cerah di tahun akan datang akan membolehkan kerajaan melaksanakan program-program penyusunan semula masyarakat dengan lebih berkesan lain.

**Tuan Jawah anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, berapakah bilangan kaum Dayak di Sarawak setakat ini yang sudah menceburkan diri mereka dalam bidang perniagaan dan kalau tidak mempunyai angka, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan supaya kaum Dayak dapat menceburkan diri mereka di dalam bidang tersebut.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka mengenai bilangan kaum Dayak yang terlibat dalam bidang perusahaan dan perniagaan tetapi ingin ditegaskan, bahawa dasar kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Nasional adalah meliputi kesemua kaum bumiputera dan menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa kesemua kaum bumiputera dalam negara kita akan dapat bersama-sama menikmati sebahagian daripada kemajuan pesat yang sedang berlaku dalam negara kita.



**Tuan Lim Guan Eng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, semasa pihak kementerian mengejar kualiti supaya dapat mencapai angka 30%, adakah beliau sedar bahawa kita tidak boleh mengorbankan mutu bilangan yang ingin dicapai kerana demi memastikan bahawa, sungguhpun, kalau angka 30% dicapai, apakah gunanya kalau mutu yang dicapai itu tidaklah sepertimana yang kita rasa perlu untuk dicapai di dalam Wawasan 2020.

Kedua, adakah beliau sedar, di dalam penggalakan yang diberikan oleh pihak kementerian, sama ada dalam bentuk pemberian francais dan juga kemudahan-kemudahan lain, adakah pihak kementerian sedar bahawa pengusaha-pengusaha bukan bumiputera berasa tersisih kerana struktur yang sedemikian dan bolehkah pendekatannya diubah supaya pengusaha-pengusaha bumiputera juga mempunyai peluang untuk menceburi dalam bidang-bidang sedemikian, sama ada dalam bentuk francais-francais yang diberikan atau SMI dalam kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, kita beri tekanan kepada kuantiti ataupun bilangan usahawan, peratus penyertaan, ekuiti dan sebagainya. Tetapi apabila kita melancarkan Dasar Pembangunan Nasional pada tahun 1991 kita memberikan tekanan kepada mutu ataupun kualiti. Oleh itu pada masa ini selain daripada memberi perhatian kepada mewujudkan sebilangan bumiputera yang berjaya, kita juga memberi tekanan kepada aspek kualiti ataupun mutu.

Berkaitan dengan penyertaan bukan bumiputera dalam beberapa program kerajaan, kita ingin memaklumkan bahawa, bukan bumiputera juga ada tempat dalam program-program kerajaan. Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, beberapa hari yang lalu dalam skim francais umpamanya, kita dapati cuma terdapat 102 orang, saya kira, bumiputera yang terlibat dalam skim francais ini termasuklah yang dikendalikan oleh kerajaan, MARA dan sebagainya, tetapi bilangan bukan bumiputera ialah 460 orang kesemuanya.

Jadi, dari segi nisbahnya, antara bumiputera dengan bukan bumiputera ialah 4:1 (4 bukan bumiputera dan 1 bumiputera). Jelas kepada kita, daripada contoh ini bahawa bukan bumiputera juga mendapat faedah daripada peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan. Begitu jugalah dari segi industri kecil dan sederhana.

Seperkara lagi yang ingin saya tegaskan bahawa apa jua yang kita laksanakan, walaupun pada zahirnya mungkin dapat dilihat menguntungkan satu kaum sahaja tetapi secara realistiknya, ia juga memberi faedah limpahan kepada kaum lain. Umpamanya bila kerajaan membantu bumiputera dalam industri pembinaan, kaum bukan bumiputera juga mendapat faedah sama ada dari segi business dalam bidang hardwarenya ataupun bidang penggunaan guna tenaganya. Maka, kesan daripada usaha kerajaan ini dapat dirasai oleh semua rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

*Soalan No. 9 — Y.B. Tuan P. Patto tidak hadir)*

**KADAR TARIF ELEKTRIK BARU  
— RUNDINGAN/RUJUKAN  
KEPADA KEMENTERIAN**

10. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak pengurusan TNB ada merujuk dan berunding dengan pihak Menteri berkenaan tentang cadangan kenaikan kadar tarif elektrik baru-baru ini:

- (a) jika tiada, mengapa; dan
- (b) jika ada, mengapa pihak kementerian tidak meneliti rasional dan kewajaran cadangan itu dan seterusnya ditolak di peringkat kementerian lagi tanpa campur tangan daripada pihak Kabinet.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, mekanisme pelarasan tarif Tenaga Nasional Berhad ialah mengikut satu formula yang berdasarkan beberapa faktor yang mempengaruhi kos tenaga elektrik seperti bahan api dan sebagainya. Formula tersebut telah dipertimbangkan dan dipersetujui oleh pihak kerajaan pada bulan November 1993.

Di bawah formula tersebut, pihak TNB boleh melaksanakan pelarasan dan pelarasan ini dilaksanakan setiap 3 bulan. Sebenarnya 4 pelarasan tarif telah dilaksanakan sebelum bulan Mac 1995 dan pelarasan kali yang kelima untuk bulan Mac hingga bulan Mei tahun ini yang menjadi bahan persoalan ini juga selari dengan formula yang saya nyatakan tadi.

**"OPS GEMBLENG" OLEH  
JABATAN PENDAFTARAN  
NEGARA, SABAH**

11. Tuan Radin Malleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah sudah jumlah orang yang mendapat kad pengenalan di kalangan pendatang asing melalui "Ops Gembleng" yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Sabah untuk dijadikan sebagai pengundi terjun atau "Phantom Voters";
- (b) sila beri pecahan jumlah pendatang asing daripada Filipina dan Indonesia;
- (c) sama ada penggunaan borang-borang sementara menjadi ahli UMNO dan Persatuan Kebajikan Bugis Sabah sah digunakan untuk memohon kad pengenalan; dan
- (d) adakah menjadi tanggungjawab dan kewajipan Suruhanjaya Pilihanraya membekalkan 'Voting Slips' kepada pengundi-pengundi terjun (phantom voters).

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada "Ops Gembleng" ataupun "Phantom Voters", dengan izin, yang melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Tenom. Oleh yang demikian, persoalan-persoalan yang dibangkitkan dalam bahagian (a), (b) dan (d) tidak timbul.

Jawapan bagi bahagian (c) adalah tidak.

**Tuan Radin Malleh:** Oleh kerana perkara ini adalah suatu perkara yang serius dan kita mempunyai bukti-bukti dokumen di sini (*Menunjukkan beberapa dokumen*). Di sini, borang sementara menjadi ahli UMNO dan juga yang ini menjadi ahli Persatuan Kebajikan Bugis (*Tepuk*) dan juga daripada Jabatan Pendaftaran, mereka mempunyai "Ops Gembleng" di sini di mana beberapa pegawai kanan menjadi pegawai penyelaras, 4 daripadanya di sini, 21 pegawai penyelia dan 25 orang ketua. Saya tidak mahu sebut detail demi untuk keadilan nama-nama tersebut, tetapi sesiapa yang memakan lada, dialah yang merasa pedas.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Kementerian Dalam Negeri tentang "seriousness" perkara ini kerana ini adalah satu jenayah "subversion" dan boleh memudaratkan keselamatan dalam negara?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat memang boleh menunjukkan borang-borang yang diguna oleh UMNO ataupun Persatuan Bugis bagi maksud mengambil ahli-ahli tetapi beliau tidak dapat membuktikan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara menggunakan borang itu sebagai dokumen sah. Saya rasa, itu kita boleh ambil sahaja borang daripada PBS atau DAP dan mengatakan itu borang untuk buat I.C. (*Tepuk*) Saya rasa tidak boleh jadi bukti macam itu (*Tepuk*).

Apa yang saya dapat rasakan di situ ialah mungkin pada masa Jabatan Pendaftaran Negara telah mengenalkan mobile service, dengan izin, iaitu menukar kad pengenalan ke kawasan pedalaman di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang dan Barisan Nasional telah meminta. Mungkin dalam exercise itu ada pemimpin-

pemimpin masyarakat setempat telah cuba membantu dengan mengumpulkan penduduk setempat supaya menjalankan pertukaran kad pengenalan.

Dalam pada itu, Jabatan Pendaftaran Negara adalah mengikut prosedur yang ketat iaitu sesiapa sahaja kalau hendak menukar kad pengenalan, kad pengenalan asal mesti ada. Kalau tidak ada, tidak akan diterima. Sekiranya mereka hendak membuat kad pengenalan kali pertama, dia mesti terlebih dahulu membuktikan dengan surat kelahiran. Kalau tidak, tidak akan dilayan. Saya pasti dan yakin, peraturan ini dipatuhi oleh semua pegawai JPN, tidak kira di Sabah, Sarawak atau di Semenanjung.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya diperakui bahawa Jabatan Pendaftaran tidak terlibat di dalam pengeluaran borang-borang yang dimaksudkan untuk mendaftar "phantom voters", saya ingin tahu sama ada Jabatan Pendaftaran Negara telah menapis daftar pemilih keseluruhannya untuk memastikan tidak ada di antara pendatang-pendatang asing yang telah berjaya untuk mendapat Kad Pengenalan Biru sama ada palsu ataupun tidak palsu; saya ingin tahu adakah perkara ini telah dilakukan supaya menghilangkan perasaan resah, perasaan gelisah di pihak rakyat tempatan seluruh negara ini?

Yang kedua, saya ingin bertanya sekiranya, sebab oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat pengakuan bahawa kemungkinan di kampung-kampung terdapat orang-orang tertentu yang cuba mendaftar atau membantu pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan kad pengenalan.

Sekiranya perkara ini betul bahawa ada orang-orang asing yang telah melibatkan diri di dalam politik tempatan seperti menjadi pemilih ataupun pengundi, oleh kerana memiliki kad pengenalan palsu ataupun kad pengenalan yang telah diperolehi dengan menggunakan dokumen-dokumen yang palsu, yang telah dihasut oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka, adakah perkara ini dianggap sebagai serius dan boleh memudaratkan keselamatan negara dan adakah pihak kementerian bercadang untuk menggunakan tindakan-tindakan tegas seperti ISA untuk membanteras kegiatan seperti ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang selama ini Kerajaan Pusat telah pun mengambil tindakan terhadap sindiket-sindiket yang melibatkan diri dalam membuat dokumen-dokumen palsu termasuk kakitangan kerajaan, sekiranya tidak mengikut peraturan, kita tetap bertindak. Kita pernah gunakan ISA untuk pegawai yang terlibat. Saya telah berulang kali menjawab di situ dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 7,640 kad pengenalan palsu telah dikesan oleh polis dan tindakan telah kita ambil terhadap beberapa orang pegawai kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini membuktikan betapa seriusnya kerajaan.

Sebenarnya kita tidak kira dia siapa. Kalau dia melibatkan diri, tidak kira dia pembangkang atau daripada penyokong kerajaan, kita tetap akan mengambil tindakan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sama ada kad pengenalan palsu diguna untuk tujuan pilihan raya, saya rasa aduan itu kena buat secara rasmi kepada SPR dan bukannya kepada Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Henrynus Amin:** Dalam soalan pertama tadi, saya ingin tahu sama ada Jabatan Pendaftaran Negara telah melakukan tapisan yang secara teliti memastikan bahawa daftar pemilih itu bersih daripada pencemaran pengundi-pengundi di kalangan pendatang asing?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata itu tugas SPR untuk menapis senarai sama ada seseorang itu sah atau tidak (*Tepuk*) tetapi untuk menyakinkan lagi Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara ada mekanisme di ibu pejabat untuk menapis kad-kad yang palsu. Kalau permohonan itu tidak disokong dengan dokumen yang sah dan tidak ada rekod langsung seseorang pemohon itu, kad pengenalan itu dirujuk kepada ibu pejabat dan ibu pejabat terus akan menolak. Tidak ada siapa dari peringkat negeri boleh, dengan izin, manipulate apa-apa keadaan yang tersebut itu.

#### BELIA — PERSIAPAN MENGHADAPI CABARAN WAWASAN 2020

**12. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan secara terperinci agenda baru belia negara untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020 dan adakah kementerian ini bercadang untuk menggunakan pakar-pakar dari negara maju untuk membantu meningkatkan kualiti belia-belia di negara ini.

27.6.95.

**16. Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa ada pemimpin-pemimpin pertubuhan belia yang masih tidak memahami wawasan kerajaan. Jadi, apakah langkah yang difikirkan kerajaan agar seluruh belia Malaysia memahami bahawa Wawasan 2020 adalah perjuangan untuk mereka.

**51. Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah paradigma baru yang akan diberikan keutamaan dalam Dasar Belia Negara yang akan dikaji semula nanti.

**Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran untuk menjawab dua lagi soalan yang seakan-akan sama dengan soalan Yang Berhormat ini, iaitu berkaitan dengan persiapan belia untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020, iaitu pertanyaan-pertanyaan yang lain yang saya maksudkan ialah pertanyaan Yang Berhormat dari Kangar pada 27hb. Jun 1995 dan pertanyaan Yang Berhormat dari Ledang pada 27hb. Jun 1995 juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baik.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara yang normal sekarang ini, kita perlu memberikan panduan kepada para belia, memberi mereka asas untuk pembangunan perwatakan, mental dan fizikal. Nilai-nilai murni, sifat toleransi dan kekuatan perwatakan perlu dipupuk ke dalam jiwa mereka supaya mereka dapat menghadapi kehidupan dengan lebih berkeyakinan sehingga dapat membawa negara ke arah pelaksanaan aspirasi wawasan.

Kementerian saya menyedari hakikat bahawa wawasan untuk generasi muda Malaysia bukan merupakan tanggungjawab kementerian secara terasing. Kita semua bersama-sama bertanggungjawab membantu belia Malaysia menuju ke arus perubahan minda yang lebih cemerlang menjelang tahun 2020.

Bagi memantapkan pembangunan generasi belia hari ini agar sesuai dengan dasar pembangunan nasional, kementerian saya telah pun bersetuju untuk mengadakan kajian dan semakan falsafah dan dasar belia negara berdasarkan keperluan belia dan negara pada ketika ini.

Agenda baru belia negara untuk mencapai Wawasan 2020 ialah melalui penekanan terhadap penyertaan belia dalam arus perdana pembangunan negara. Dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, youth empowerment. Beberapa isu dan penekanan bidang utama diberi perhatian antaranya:

- (i) peningkatan kualiti latihan kemahiran dan pendidikan belia;
- (ii) pengukuhan organisasi serta kepimpinan belia dan semangat kesukarelaan;
- (iii) pembangunan sumber manusia dan produktiviti;
- (iv) pembentukan sistem dan rangkaian maklumat dan networking;
- (v) pembentukan sistem organisasi dan kewangan yang lebih tersusun; dan
- (vi) pemupukan pegangan sistem dan orientasi nilai murni bagi diamalkan oleh generasi muda.

Pihak kementerian dan juga kerajaan umumnya akan menggunakan khidmat pakar-pakar tempatan dalam negara bagi membantu meningkatkan kualiti belia-belia kita kerana kami percaya, rakyat Malaysia adalah yang paling layak dan sesuai untuk mencari penyelesaian kepada masalah Malaysia sendiri.

#### KOD ETIKA KEWARTAWANAN

**13. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah satu kod etika kewartawanan akan diperkenalkan bagi memperbaiki profesion kewartawanan yang akhir-akhir ini telah bersikap bertentangan dengan prinsip kewartawanan yang adil dan tidak berat sebelah.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, para wartawan secara sukarela dan atas asas tanggungjawab telah mengisytiharkan kod kewartawannya pada bulan Mei tahun 1989. Kod etika ini telah dijadikan panduan dalam menjalankan tugas mereka. Dalam hubungan ini juga, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan kod kewartawanan yang lain oleh sebab peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan tatasusila kewartawanan yang sedia ada adalah dirasakan memadai.

Selain daripada itu, kerajaan menghormati prinsip kewartawanan mereka, apatah lagi negara ini mengamalkan dan menjunjung kebebasan akhbar. Setakat ini, kerajaan berasa puas hati dengan peranan dan tanggungjawab para wartawan untuk masyarakat dan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9 dan 14 hingga 54 dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 1995

*Bacaan Kali Yang Kedua*

3.35 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-

undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 2, 10, 20 dan 23 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan. Secara ringkasnya, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan meminda Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan bagi menambah bilangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan juga mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Yang di-Pertua daripada kalangan mereka yang bukan Ahli Dewan Undangan. Ia juga bertujuan mengadakan peruntukan yang mencukupi mengenai jawatan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda perenggan 2 (2) (b) BAHAGIAN I, Jadual Kelapan untuk mengadakan peruntukan mengenai penambahan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan daripada 8 kepada 10. Sebagai tambahan, satu pindaan yang serupa dengan pindaan itu juga dibuat kepada perenggan 20 (2) (b) BAHAGIAN II yang mengandungi peruntukan alternatif bagi BAHAGIAN I.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 10 Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan juga dipinda dengan menggantikan subseksyen 10 (1) dan (2) dengan subseksyen 10 (1) (1A), (1B) dan (2). Ini adalah peruntukan baru mengenai Yang di-Pertua Dewan Undangan.

Subseksyen 10 (1) mengadakan peruntukan bagi pemilihan Yang di-Pertua oleh Dewan Undangan. Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain daripada pemilihan Yang di-Pertua.

Subseksyen baru 10 (1A) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa:

“Seseorang tidak boleh dipilih sebagai Yang di-Pertua melainkan jika;

- (a) dia menjadi Ahli Dewan Undangan; atau
- (b) dia layak menjadi Ahli Dewan Undangan”.

Subseksyen baru 10 (1B) memperuntukkan bahawa;

“Jika mana-mana orang yang bukan Ahli Dewan Undangan dipilih sebagai Yang di-Pertua, dia hendaklah;

- (a) mengangkat sumpah jawatan sebelum menjalankan tugasnya; dan
- (b) oleh sebab dia memegang jawatannya itu menjadi Ahli Dewan Undangan sebagai tambahan kepada Ahli-ahli Dewan yang lain”.

Walau bagaimanapun, ini tidaklah menyentuh peruntukan seksyen 2. Menurut kuasa perenggan (b), Yang di-Pertua tidak berhak mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan Undangan.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 10 (2) memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa. Selanjutnya, ia mengadakan peruntukan mengenai keadaan di mana Yang di-Pertua hendaklah mengosongkan jawatannya, iaitu;

- (a) apabila Dewan Undangan bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihan raya umum;

- (b) apabila dia terhenti menjadi Ahli Dewan Undangan melainkan oleh sebab pembubaran Dewan atau jika dia terhenti berkelayakan menjadi Ahli Dewan Undangan di bawah Perenggan 10 (1B) (b);

- (c) apabila dia telah menjadi hilang kelayakan di bawah subseksyen 10 (4) yang sedia ada; atau

- (d) jika pada bila-bila masa Dewan membuat ketetapan sedemikian”.

Selain daripada perkara di atas, subseksyen 23 (1) telah dipinda dengan memotong perkataan “kecuali seksyen 10 yang diubahsuai seperti yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen ini”.

Seksyen 23 dipinda seterusnya dengan memotong subseksyen (2). Akibatnya, subseksyen 23 (1) yang sedia ada dinamborkan semula, kini sebagai seksyen 23. Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit yang diperlukan oleh sebab pindaan kepada Seksyen 10.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan Kerajaan Barisan Nasional di dalam Pilihanraya Umum tahun 1995 baru-baru ini adalah kemenangan terbaik dan paling cemerlang di dalam sejarah pilihan raya negara. (*Tepuk*) Kemenangan ini juga membuktikan sokongan padu rakyat terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri (*Tepuk*) di atas dasar dan wawasannya. Jelasnya, mandat telah diberikan oleh rakyat berdasarkan prestasi Kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat persekutuan, mahupun di peringkat negeri.

Janji-janji yang diberikan semasa kempen pilihan raya mesti ditunaikan dan semuanya terangkum dalam wadah Wawasan 2020.

Realitinya, kita berdepan dengan agenda negara dan antarabangsa yang menuntut kestabilan negara. Sebagai negara membangun, masalah pembangunan lebih penting daripada politik rhetoric. Untuk menghadapi dan mengatasi masalah ekonomi, sosial, kemiskinan, pengangguran, perpaduan dan sebagainya, negara memerlukan kerajaan yang bukan sahaja berwawasan, adil dan efisien, tetapi kerajaan yang kuat dari segi mandat politik dan demokrasinya.

Ringkasnya pilihan raya umum 1995 amat menarik kerana keputusannya memberi keyakinan yang lebih besar kepada dasar, wawasan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Ternyata dari segi politik, para pengundi memilih pembangunan berwawasan. Pengundi-pengundi menolak isu perkauman yang boleh meruntuhkan kemakmuran dan keharmonian negara. Berdasarkan kepada hakikat inilah, sewajarnya Akta Perlembagaan Persekutuan ini dipinda selaras dengan keperluan semasa bagi meneruskan pelan pembangunan negara yang dirancang dilaksanakan tanpa sebarang halangan. Saya berharap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Diminta seorang menyokong.

**Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Larut.

*3.41 ptg.*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada pindaan yang amat penting untuk kita bahaskan di Dewan yang mulia ini pada persidangan kali ini ialah mengenai pindaan Perlembagaan bagi cadangan menambah jumlah bilangan kerusi Exco atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sebaik sahaja negara kita selesai menjalani proses pilihan raya umum, adalah menjadi satu kelaziman pentadbiran kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan Pusat disusun semula di mana perlu bagi meneruskan kesinambungan pentadbiran politik dan memperkemas lagi jentera pengurusan negeri-negeri dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, berbeza dengan struktur pimpinan politik di peringkat pusat yang kebanyakan mempertanggungjawabkan seorang Menteri bagi satu-satu kementerian, para Exco di peringkat negeri-negeri selalunya dipertanggungjawabkan memegang lebih daripada satu portfolio. Inilah premis atau asas yang ingin kita ketengahkan bagi mencari satu bentuk kesaksamaan dalam menentukan tanggungjawab menilai keupayaan sebenar seseorang ketua kerajaan dan para Exconya dan memancang keadilan dalam proses menerima tanggungjawab dan menyumbang sebaik mungkin demi faedah agama, bangsa, nusa dan tanah air yang tercinta.



Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya harus berpijak di bumi nyata. Insan yang dicipta Allah biar pun di mana dia berada atau dalam apa jua kapasiti sama ada seorang rakyat biasa, Wakil Rakyat dan pentadbir mempunyai kelebihan mahupun kelemahannya. Ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya insan itu Aku ciptakan dalam keadaan daif yakni serba lemah”.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini seharusnya diterima dan dihayati oleh semua pihak. Negara kita yang mencapai kemerdekaan hampir 40 tahun dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengisi erti kemerdekaan mempunyai mesej pembangunan yang jelas apatah lagi kita memenangi pilihan raya dengan begitu baik sekali dalam sejarah dunia demokrasi. Kepesatan pembangunan ekonomi dalam segenap sektor menuntut pengorbanan, iltizam dan kegigihan kerajaan yang dilantik bergerak sebagai satu entiti yang bersepadu, menyusuri dan menjejaki liku-liku perjuangan menuju puncak dan mercu kegemilangan, berkhidmat sebaik mungkin kepada rakyat.

Setelah beberapa kali pilihan raya umum, kita saksikan sebahagian besar Ahli-ahli Exco yang dilantik memegang lebih dari satu jawatan. Puratanya setiap negeri mempunyai enam hingga lapan ahli Exco di mana ada kalanya setiap mereka memegang dua, tiga atau empat portfolio. Apa yang memeranjatkan saya dan mungkin juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang peka dan prihatin terhadap arena politik negara ialah terdapatnya seorang ketua Kerajaan

Negeri yang memegang sampai enam atau tujuh portfolio secara berseorangan sedangkan ada pula Exconya yang hanya memegang satu portfolio sahaja. Tidakkah situasi ini secara umumnya mencerminkan satu bentuk budaya pemboltan kuasa yang sudah semestinya tidak mampu dipenuhi amanahnya dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mempersembahkan sebahagian kecil senario ketidakseragaman agihan jawatan dan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, maka sukalah saya menyokong pindaan Perlembagaan bagi menambah kerusi Exco ini, kalau boleh sehingga lima kerusi lagi memenuhi apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *delegation of powers* dan dalam bahasa Latin, *delegatus non potest delegare*.

Banyak rasional atau justifikasi yang ingin saya paparkan di sini bagi menyokong penambahan kerusi Exco. Antaranya ialah;

- (i) ADUN yang dilantik menjadi Exco dengan hanya satu atau dua portfolio sahaja dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada bidang tugasnya dan ini dapat menjamin efficiency, keadilan dan kecekapan, dedikasi dan komitmen, iltizam yang mana kita janjikan dalam pilihan raya.
- (ii) Dengan izin, element of thoroughness, sentiasa dapat diamalkan dalam bidang tugas jika seorang Exco hanya menjalankan satu dan dua tugas induk, malah laporan atau rumusan yang perlu

dilakukan mampu merangkumi semua aspek kerja secara terperinci berbanding jika memegang banyak portfolio dan kesemuanya sama penting. Apa lagi dengan tugas-tugas parti politik yang lain dan terpaksa pula menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang banyak termasuk mesyuarat cawangan yang ada pada hari ini.

- (iii) ADUN yang menjadi Exco juga mewakili kawasannya sendiri yang tidak mungkin boleh diabaikannya. Begitu juga para ADUN adalah pendokong parti masing-masing yang bergiat cergas berpolitik tidak mengira masa dan tempat, tanggungjawab dan parti. Kerajaan dan rakyat adalah sama pentingnya. Memikul tanggungjawab yang banyak dan hanya meletakkan orang lain sebagai wakil ADUN di kawasan sendiri pada saban waktu hanya menyukarkan rakyat untuk bertemu mesra secara direct dengan wakil rakyat mereka sendiri.
- (iv) Dengan memegang satu atau dua portfolio sahaja, ini memungkinan Exco berkenaan mempengerusikan banyak jawatankuasa kecil atau jawatankuasa-jawatankuasa kerja dengan lebih berkesan dan dapat terus berinteraksi dengan rakyat, pelbagai persatuan dan pemimpin dari pelbagai peringkat. Suara dan

rintihan serta rungutan rakyat akan kedengaran dengan lebih jelas lagi. Ini menjadi amat penting jika negeri berkenaan adalah besar seperti negeri Perak dan luas serta mempunyai banyak kawasan, daerah, banyak sumber asli dan sebagainya.

- (v) Jika kita amati, hanya Exco Hal Ehwal Agama sahaja di negeri-negeri yang memegang sesuatu jawatan itu tanpa menerima portfolio tambahan. Dari satu segi ini menampakkan kepentingan Islam sebagai satu wadah kehidupan atau a way of life, dengan izin. Apakah bidang-bidang yang menjadi cabang kehidupan seperti pendidikan, pertanian, kesihatan, kewangan dan lain-lain tidak nampak penting sehinggakan ada ketua Kerajaan Negeri atau Exco terpaksa memikul banyak portfolio-portfolio berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bidang pertanian umpamanya amat luas jajahan dan takluknya iaitu merangkumi para nelayan, penternak dan petani yang harus mendapat tumpuan khusus, interaksi dan mendengar permasalahan mereka menerusi pelbagai persatuan nelayan, petani, peladang dan lain-lain adalah satu keutamaan. Begitu juga Exco Pelancongan perlu berdialog dengan para pengusaha syarikat pelan-

congan, persatuan pengusaha bas, teksi, bas persiaran, pengusaha hotel dan lain-lain, chalet, agen-agen penerbangan dan sebagainya. Destinasi pelancongan sedia ada perlu ditingkatkan tahapnya, manakala destinasi baru pula perlu diterokai. Pendek kata semua portfolio adalah sama pentingnya dan luas pula bidang penglibatannya. Oleh itu, termampukah seorang Exco memegang banyak portfolio tetapi keberkesanannya menjadi tanda tanya kepada rakyat setiap masa.

- (vi) Dengan memegang portfolio yang sedikit, maka dapat pula difikirkan kemungkinan menubuhkan jawatankuasa dan rangka persefahaman dengan rakan-rakan sejawatan daripada negeri-negeri lain untuk bertukar-tukar fikiran, ber-bahas dan mencari entiti keseragaman dalam bentuk perancangan dan tindakan bagi memajukan negeri masing-masing secara lebih berkesan lagi termasuk lawatan Exco dari satu negeri ke negeri yang lain.
- (vii) Sebagai insan yang diciptakan lemah dari segi tanaga hayat dan fizikal dan mental khususnya apabila meningkat usia, apabila memegang portfolio yang banyak, ianya akan menimbulkan ketegangan fikiran yang boleh membantutkan ktretiviti, tidak dapat beristirahat secara betul dan

selesa; tidak mempunyai kelapangan masa untuk beriadah sebagai memenuhi tuntutan manusia yang cergas, ceria dan segar mindanya.

Apabila hati dan diri dibelenggu resah gelisah dan gundah-gulana terhadap kesihatan yang tidak terurus, ianya akan mengundang berbagai gejala penyakit yang lambat-laun akan menghukum insan yang tamak, yang jelas mengikut tanggungjawab, yang tidak mungkin dapat dilaksanakannya.

Dengan faktor-faktor yang saya bentangkan tadi, maka saya amat menyokong penuh cadangan untuk menambah bilangan kerusi Exco di dalam kabinet kerajaan negeri khususnya bagi memberi peluang kepada lebih ramai ADUN menyumbang khidmat bakti dan kebolehan mentadbir ke arah satu pencapaian perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pemerintahan negara kita yang mengamalkan corak pemerintahan demokrasi berparlimen, berjalan lancar sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Perjalanan persidangan di kedua-dua Dewan Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri telah berlangsung dengan lancar sejak sekian lama dan sudah sampailah masanya beberapa perkara pokok diberikan perhatian bagi memperbaiki kekurangan yang ada demi meningkatkan imej, martabat dan kemurnian institusi-institusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripadanya ialah keperluan untuk mempertimbangkan taraf sebenar para Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri supaya sejajar dan selari dengan kedudukannya yang tinggi dalam persidangan yang dijalankan setiap sesi.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini wujud satu keadaan di mana para Speaker di negeri-negeri tidak lebih daripada seorang yang hanya mengendalikan persidangan dewan agar berjalan lancar seperti yang dirancangan. Kedudukan mereka yang terletak di bawah kuasa Menteri Besar atau Ketua Menteri seakan-akan janggal sedangkan di dalam kebanyakan negara Komanwel lain kedudukan Speaker lebih tinggi daripada hakim dan juga Menteri Kabinet. Malah di negara Jerman misalnya, kedudukan Speaker lebih tinggi daripada semua institusi-institusi mahupun pimpinan politik yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pula di negara-negara seperti Itali, Australia, India, Kanada, New Zealand, Pakistan dan lain-lain kedudukan Speaker lebih tinggi malah lebih utama dari Ketua Hakim Negara malah di negara-negara seperti Turki, Tunisia dan Iran, kedudukan Speaker Dewan Parlimen membolehkan ia menggantikan Presiden sewaktu ketiadaannya dalam negeri ataupun semasa kekosongan jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, melihat daripada contoh-contoh yang disebutkan tadi, perlulah bagi kita untuk menilai semula kedudukan dan kuasa Speaker Dewan Undangan Negeri untuk membolehkan beliau berperanan secara lebih efektif dan berinisiatif sesuai dengan kedudukan dan kuasanya yang lebih

meluas sekurang-kurangnya seiras, senada dengan corak dan bidang kuasa Speaker Dewan Rakyat di peringkat pusat.

Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia hanya di Negeri Sembilan kedudukan Speakernya adalah lebih utama dari Hakim Mahkamah Tinggi. Di Sabah, Speaker adalah lebih utama dari Hakim Besar Borneo manakala di Sarawak pula, Speaker mempunyai kedudukan di bawah Hakim Besar Borneo tetapi diberi keutamaan dari Hakim Mahkamah Tinggi. Di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, Hakim Mahkamah Tinggi adalah lebih utama dari Speaker bahkan Pesuruhjaya Kehakiman pun adalah lebih utama dari Speaker.

Melihat dari situasi di atas, adalah tidak munasabah Ketua dan Badan Perundangan berada di bawah Ketua Badan Kehakiman kerana jika dibuat perbandingan di tahap badan perundanganlah penggubalan undang-undang dan polisi pemerintahan negara dibuat. Didapati juga di negeri-negeri di Malaysia melainkan di Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak Menteri-menteri Kabinet pun berada di bawah Hakim-hakim negeri dan beberapa orang lain lagi Pesuruhjaya Kehakiman. Kedudukan Speaker yang lebih rendah daripada Ketua Menteri atau Menteri Besar memungkinan meletakkan beliau dalam keadaan yang kurang selesa, uncomfortable, dengan izin, dalam urusan perjalanan mesyuarat Dewan Undangan Negeri apatah lagi beliau seorang dihantui oleh kedudukan yang inferior dari segi realitinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itulah sudah sewajarnya adanya satu rangka usaha untuk memperbetulkan kelemahan dan kekurangan yang sedia ada ini, bagi meletakkan kedudukan dan

martabat para Speaker Dewan Undangan Negeri di tempat yang lebih selesa, berwibawa dan lebih menyakinkan dan berdaulat, bagi membolehkan beliau melaksanakan tugas-tugas dengan lebih berkesan, tidak sekadar menjadi mudah cara atau mengendalikan majlis mesyuarat saja atau dengan izin, ceremonial sahaja. Langkah ini merupakan satu usaha untuk menempatkan para Speaker pada kedudukan yang sewajarnya bukan mengambil atau menidakkan kuasa yang ada pada orang lain ataupun keistimewaan-keistimewaan yang ada pada pihak-pihak lain.

Sepertimana preamble dalam English Constitution dengan izin, ada menyebut, "Parliament can do and undo what it likes". Parlimen boleh buat apa yang dia suka dan apa yang dia tidak suka. Jadi, maka sesuai dengan kedudukan Parlimen kita pada hari ini dan juga Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri-negeri sebagai badan perundangan tertinggi, peranan para Speaker sewajarnya dinilai semula bagi menyesuaikan dengan kedudukan badan perundangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu kita bahaskan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai cadangan untuk meminda Perlembagaan bagi perlantikan Speaker dari kalangan mereka yang bukan ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih menerusi pilihan raya dalam erti kata sebenarnya. Speaker boleh dilantik berdasarkan track record, dengan izin, pengalaman dan bidang pentadbiran, perkhidmatan sosial, perundangan dan sebagainya yang dimiliki oleh tokoh-tokoh yang bakal menduduki jawatan itu. Hakim-hakim dan peguam-peguam kanan, hakim-hakim besar ataupun mana-mana yang difikirkan

munasabah, will be considered, dengan izin. Adalah sesuatu yang kurang tepat apabila selama ini Speaker dilantik daripada mereka yang terlibat khusus dalam bidang politik kepartian khususnya mereka yang menang dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri.

Kedudukan Speaker yang tertinggi dalam sidang Dewan dan sekiranya nanti mendapat kedudukan yang lebih tinggi sejajar dengan hak dan ketinggian institusi politik negara, tentunya tidak wajar menceburi aktiviti politik seperti berkempen di dalam pilihan raya, menyampaikan ceramah untuk menarik sokongan rakyat dan sebagainya. Adalah tidak manis seorang Speaker turut terheret dalam kancah politik negara dan penglibatannya menjadi bualan setiap peringkat ahli masyarakat sehinggalah menjadi sebutan di kedai-kedai kopi dan di warung di segenap ceruk, yang mana sekiranya ada musuh-musuh politik di bahagian, sebaik mana mungkin Speaker itu ianya dicaci apalagi kalau ianya Ketua Bahagian dan orang lain pula hendak menjadi ketua bahagian. Aktiviti-aktiviti sedemikian tidak secocok dengan status seorang Speaker yang diketahui umum menjadi tokoh yang dihormati oleh semua pihak sama ada kerajaan mahupun pembangkang.

Dengan sebab itulah, wujudnya rasional kedua iaitu untuk mendukung elemen dan konsep neutrality iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam apa-apa persoalan ataupun pertikaian kerana beliau bertanggungjawab dan perlu saksama, adil dan bijaksana. Apabila beliau dapat berlaku adil dan tidak berat sebelah, khususnya dalam sesi persidangan, maka integrity beliau

akan menjadi lebih terserlah dan dihormati oleh semua pihak pada setiap masa, di setiap saat ataupun di setiap tempat.

Tuan Yang di-Pertua, tugas seorang Speaker perlu menjangkau sempadan masa dan pejabatnya tidak boleh dikosongkan pada musim-musim kempen pilihan raya .....

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Larut, Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Namakanya Yang Berhormat ini dok baca sahaja sedangkan sepatutnya masa berucap pandang kepada Speaker. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Terima kasih, Tuan Speaker, kerana ini teks. Sebagai seorang peguam, kita kena baca teks sebenar-benar (*Tepuk*) dan saya rasa tempat duduk saya pun bertentangan dengan Speaker, kalau saya tak tengok Speaker, Speaker tengoklah saya banyak-banyak. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tugas seorang Speaker perlu menjangkau sempadan masa dan pejabatnya tidak boleh dikosongkan pada musim-musim kempen pilihan raya. Selama ini ADUN yang menjawat jawatan Speaker didapati mengosongkan pejabatnya semata-mata untuk berkempen, sama ada untuk pilihan raya parti mahupun pilihan raya

umum, tidak seperti..... sudah kena ganggu, minta maaf. Situasi ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan tugas Speaker yang ternyata banyak, termasuk menandatangani dokumen-dokumen penting Dewan, menghadiri majlis-majlis rasmi negeri, menyambut tetamu-tetamu dari luar negeri juga. Inilah yang ingin kita membetulkan untuk keperluan Speaker. Adalah lebih bertepatan seseorang tokoh yang berpengalaman dan berkelayakan seperti hakim-hakim, peguam-peguam dan mana-mana ahli-ahli pentadbir diberi peluang untuk mengisi jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri bagi mencerminkan satu corak pentadbiran Dewan yang licin, bersih, cekap, adil, berwibawa dan berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perlantikan bukan ADUN parti politik sebagai Speaker yang kemudiannya akan dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri atas kehendak Perlembagaan, maka tidak ada lagi pihak yang akan mempertikaikan apa-apa keputusan beliau sebagai berat sebelah kerana beliau bukanlah dari parti yang memerintah. Lagi pun dengan tidak terikatnya beliau kepada mana-mana politik, akan meletakkan beliau kepada satu kedudukan yang 'prestiges', dengan izin, berbeza dengan ADUN-ADUN yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setelah seseorang yang bukan ADUN itu dilantik menjadi Speaker, beliau akan disyaratkan oleh Perlembagaan menjadi Ahli Dewan dan ini bererti kerajaan mempunyai alternatif di mana pada masa sesebuah parti mendapat kemenangan yang tipis, sistem baru ini akan menjadi lebih bermanfaat dan kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan keprihatinan kita menimbang semula kedudukan Speaker dan juga melantik mereka yang berkelayakan untuk mengisi jawatan Speaker, keutuhan dan kemuliaan Dewan Undangan Negeri akan sentiasa dapat dipelihara dan dipertingkatkan kedudukannya sesuai dengan amalan demokrasi berparlimen yang kita selama ini mendukungi. Perubahan ini tidak syak lagi akan dapat menghakis sebahagian lagi peluang bagi pihak tertentu untuk membuat tohmahan yang bukan-bukan terhadap kerajaan yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Parit Sulong.

4.03 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, suatu pindaan Perlembagaan secara falsafahnya adalah bertujuan mewujudkan keselamatan, ketenteraman ataupun membawa faedah dan kebajikan kepada masyarakatnya. Itulah di antara falsafah suatu undang-undang digubal ataupun dipinda dari semasa ke semasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memperjuangkan nasib rakyat jelata secara lebih total, lebih berkesan dan lebih menyeluruh. Ia selaras dengan mandat besar sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang diberikan

kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya baru-baru ini. Ia juga adalah sejajar dengan aspirasi pemerintah untuk melonjakkan martabat bangsa Malaysia sebagai sebuah negara maju di tahun 2020. Pendek kata, pindaan ini adalah sebahagian dari usaha-usaha, dengan izin, 'Reinventing Government' yang dilakukan oleh kerajaan dari masa ke semasa dan di semua peringkat.

Saya berpendapat demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana pindaan ini yang bermatlamat menambah jumlah Exco Kerajaan-kerajaan Negeri atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dari 8 orang yang ada pada kali ini kepada 10 orang adalah sebahagian dari usaha ke arah mengemaskan lagi pengurusan kerajaan-kerajaan negeri supaya lebih cekap dan lebih berkesan. Pertambahan bilangan Exco tentu akan membolehkan kerajaan-kerajaan negeri menyusun serta membahagi-bahagikan semula pelbagai portfolio yang kini disandang oleh hanya 8 orang di setiap negeri kepada 10 orang selepas pindaan ini.

Saya yakin seluruh negeri dan mungkin termasuk negeri yang bukan dikuasai oleh Barisan Nasional akan menyambut baik pindaan ini, kerana usaha ini akan mendorong serta membolehkan kerajaan-kerajaan negeri mentakrif semula segala kenyataan misi ataupun, dengan izin, 'mission statement' dan matlamat pengurusan bagi suatu portfolio dengan lebih tepat, dengan lebih jelas dan dengan lebih terperinci selaras dengan objektif Dasar Pembangunan Nasional yang terkandung di dalam, dengan izin, 'Outlined Perspective Plan' yang kedua bagi tahun 1991 hingga tahun 2000 dan sejajar dengan Wawasan 2020 yang bercita-cita melahirkan generasi Malaysia yang seimbang dan melahirkan negara Malaysia yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bukanlah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan secara sewenang-wenangnya seperti yang mungkin akan didakwa oleh pihak-pihak yang kurang setuju. Sebaliknya pindaan ini adalah didorong oleh tuntutan masa dan zaman dan selari pula dengan perancangan strategik Kerajaan yang gigih dan giat membawa Malaysia ke arah kecemerlangan di abad ke-21.

Seorang pakar 'management' pernah menulis dalam bukunya 'Reinventing Government' bahawa suatu perancangan strategik adalah satu kajian mengkaji bedah atau 'postmortem' ke atas sesuatu organisasi selaras dengan tuntutan serta keperluan semasa masyarakatnya. Setelah di 'postmortem' ataupun dikaji bedah sesuatu organisasi, maka organisasi tersebut pun akan membentuk paradigmanya yang baru dan menggubal strategi yang selaras dengan usaha mencapai paradigma tersebut.

Dalam konteks sesebuah kerajaan, menurut penulis tersebut, sesuatu perancangan yang strategik memerlukan 'consensus' ataupun kemuafakatan yang selalunya diterjemahkan dalam bentuk sokongan ataupun undi, sebab itulah pindaan ini dibawa ke dalam Dewan.

Jika pendapat ini boleh saya jadikan sandaran di dalam perbahasan pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, terbuktilah bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang proaktif, ia sentiasa melihat ke hadapan, ia telah merangka dan melaksanakan enam rancangan pembangunan negara sejak berpuluh tahun yang lalu. Mulai tahun 1991 hingga tahun 2000 segala rancangan pembangunan negara adalah berasaskan 'Outlined Perspective Plan'

yang kedua yang berteraskan Dasar Pembangunan Nasional. Segala usaha ini telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen dan segala usaha ini telah menerima sokongan besar dari rakyat jelata sebagaimana yang diterjemahkan dalam bentuk undi menerusi pilihan raya baru-baru ini dan pilihan raya-pilihan raya sebelum ini.

Jadi, jika hari ini terdapat bantangan terhadap pindaan Perlembagaan yang kita bahaskan dan akan diluluskan oleh Dewan ini, bantangan itu adalah dari golongan yang mungkin mewujudkan dirinya semata-mata untuk membangkang. Bagaimanapun, saya percaya sahabat-sahabat saya daripada PAS dan sahabat-sahabat saya dari Semangat 46 mungkin akan turut menyokong pindaan ini, bukannya untuk menambah kecekapan pengurusan kerajaannya di Kelantan tetapi kerana pertambahan Exco di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan kelak tentunya akan menyelesaikan masalah perebutan kuasa dan perebutan jawatan di antara komponen Angkatan Perpaduan Ummah yang berterusan sejak tahun 1990 hingga ke hari ini. Jika kedua-dua keluarga APU ini membangkang pindaan ini, saya tidak mahu berkata lebihlah, tetapi janganlah jadi golongan yang berpura-pura.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya mempunyai 8,056 hari sahaja untuk menjayakan Wawasan 2020 menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh mulai tahun 1996 dan menerusi rancangan-rancangan Malaysia yang berikutnya di tahun-tahun yang akan datang. Ini bermakna, detik-detik bagi kerajaan mencapai paradigma nasionalnya menerusi Wawasan 2020 adalah semakin hampir dan semakin mendesak.



Jadi, bagaimanakah kerajaan akan menguruskan masa depan? Dengan izin, how are we going to manage the future dengan paradigma kecemerlangannya yang semakin hampir dan semakin mendesak ini? Soalan ini amat strategik untuk diperkatakan sekarang dan perlu difikirkan bersama-sama secara serius dan segera. Menurut Peter Drucker di dalam bukunya "Managing the Future", elemen terpenting bagi menentukan kejayaan masa depan khususnya di abad yang ke-21 adalah pemimpin (leaders) dan kepemimpinan (leadership). James Champy di dalam bukunya, "Re-engineering Management" pula menyatakan bahawa elemen penting yang menjamin kejayaan di masa akan datang adalah nilai dan budaya kerja di dalam sesebuah organisasi.

Malaysia di peringkat tertingginya mempunyai kepemimpinan yang berwibawa, yang berkebolehan dan yang amanah. Malaysia di peringkat tertingginya mempunyai pemimpin yang mempunyai budaya kerja yang amat unggul yang telah pun ditonjolkan sejak tahun-tahun 80-an hingga ke hari ini sehingga membawakan negara ini kepada satu negara yang gemilang dan diiktiraf akan menjadi sebuah negara maju yang berwibawa di masa akan datang.

Persoalan yang saya hendak ketengahkan di sini ialah apabila kita membincangkan masalah pemimpin dan kepemimpinan ianya bukan eksklusif persoalan orang politik. Pemimpin dan kepemimpinan adalah milik yang perlu dipersoalkan oleh semua peringkat yang melibatkan diri untuk melonjakkan negara ini kepada sebuah negara yang maju di masa akan datang dan ini meliputi jabatan-jabatan di semua peringkat. Ini meliputi agensi-agensi kerajaan dan meliputi semua.

Jadi, yang saya ingin mempersoalkan, adakah pemimpin dan kepemimpinan di peringkat bukan politik yang menjayakan kerajaan ini telah pun diselaraskan dengan pemimpin dan kepemimpinan politik yang mempunyai, seperti apa yang saya katakan tadi budaya kerja dan etika kerja yang tinggi? Kita memang sedar bahawa sejak tahun 1981 kita telah pun mengketengahkan sistem "Q" ataupun nilai-nilai kualiti, mutu di dalam perkhidmatan. Tetapi adakah perkhidmatan itu hanya didorong untuk menerima "Anugerah Cemerlang" pada "Hari Q" atau perkhidmatan itu memang didorong dengan niat kepada Allah untuk berkhidmat kepada warganegara Malaysia supaya maju di masa akan datang dan supaya tidak timbul porak-peranda kepada generasi di hari muka.

Saya mempersoalkan ini bukan kerana saya hendak memperkecilkan pendokong-pendokong kerajaan pada hari ini. Yang saya menjolok (provoke) persoalan ini adalah, bagaimanakah kita mahu accelerate, mahu mempercepatkan tempoh perkhidmatan, komitmen kita terhadap budaya kerja supaya kita dapat memenuhi ruang waktu yang hanya 8,056 hari sahaja untuk menjayakan satu wawasan besar yang diilhamkan oleh pemimpin besar kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepemimpinan ini bukan sahaja di peringkat kementerian tetapi ianya turun ke peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat mukim sehingga ke peringkat kampung dan peringkat keluarga. Yang saya dapat lihat, sekiranya keluarga adalah unit-unit yang membentuk segala-galanya, maka kepemimpinan di peringkat keluarga inilah harus diberi pandangan dan tumpuan oleh pihak kerajaan negeri ataupun kerajaan pusat. Sekiranya ada

portfolio baru yang diwujudkan di peringkat kerajaan negeri, maka portfolio ini harus menumpukan kepada hal-ehwal 'wirasah' (parenting) yang mungkin akan dijemakan melalui pembangunan sosial (social development) dan sebagainya. Penekanan terhadap parenting dan pembinaan keluarga untuk masa yang akan datang adalah penting dititikberatkan mulai daripada hari ini kerana kita dapat lihat bahawa negara-negara maju yang runtuh, keruntuhan itu berpunca daripada keruntuhan unit-unit keluarga.

Jadi, saya harap dengan kemunculan dua lagi kerusi tambahan untuk Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, hal ehwal ini saya minta dititikberatkan oleh seluruh kerajaan negeri ini mungkin termasuk kerajaan negeri yang di bawah pembangkang. Oleh kerana tiada gunanya pemimpin besar kita mencetuskan wawasan yang besar untuk mempunyai generasi yang seimbang, generasi yang mampu mendokong wawasan hari ini dan melaksanakan terus ke masa akan datang, sekiranya generasi yang akan datang yang akan kita lahirkan adalah generasi yang "bobrok" dan juga sekiranya manusia yang kita akan ketengahkan sebagai ibu bapa di masa akan datang juga datangnya daripada manusia yang "bobrok". "Bobrok" adalah perkataan Jawa yang telah pun diMelayukan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Dia sudah jawab soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak tanya mengenai perkataan "bobrok".

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ahli Yang Berhormat dari Rompin ini patut tahu sebab ramai orang Jawa duduk di FELDA. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat hal-ehwal 'wirasah' sekarang ini mendapat perhatian dan minat secara individu. Di masjid-masjid — wirasah. Bermakna parenting. Bermakna hal-ehwal kekeluargaan. Sekarang mendapat minat secara yang tidak diselaraskan (uncoordinated). Jadi, saya harap hal-ehwal kekeluargaan (parenting) ini harus diwujudkan dalam bentuk strategi, dalam bentuk program demi kebahagiaan generasi di masa akan datang.

Kita mempunyai banyak pakar yang kadang-kadang menjadi tetamu di rancangan televisyen ataupun di dalam forum-forum yang dianjurkan. Saya rasa ini masih lagi *ad-hoc*. Saya harap kerajaan negeri akan menyambar isu ini untuk dijadikan satu strategi, dijadikan satu gerak, tindakan dan perjuangan untuk masa akan datang. Itulah satu aspek yang amat penting sekiranya kita benar-benar mahu membangunkan generasi masa akan datang, memberi warisan yang benar di masa akan datang.

Di peringkat kakitangan kerajaan, sekarang ini kita banyak dengar cerita kebocoran (leakages). Saya tidak mahu menuduh bahawa ini datangnya daripada kakitangan kerajaan tetapi bagaimana boleh terbocornya rahsia-rahsia kerajaan? Persoalan ini saya amat hairan oleh kerana kita mempunyai undang-undang ketat yang mengawal kebocoran rahsia. Kita mempunyai Akta Rahsia Rasmi atau dalam bahasa Inggerisnya OSA (Official Secret Act). Tetapi bagaimana kadang-kadang sesuatu situasi, sesuatu kementerian, sesuatu masyarakat dikeselutkan oleh kebocoran yang menim-

bulkan kontroversi yang tidak diundang. Sekali lagi saya ulangi, saya tidak menuduh kakitangan kerajaan. Tetapi saya persoalkan bagaimana perkara ini boleh berlaku.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak minta sedikit penjelasan tentang kebocoran rahsia kerajaan. Adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa sebenarnya ada dalang di belakang kebocoran ini — di sebelah sana tu (*menunjuk ke arah Pembangunan*). Yang sebenarnya sebelah sanalah yang memujuk, menggula dan ini bukanlah salah pegawai kerajaan! Apa yang patut kita buat kepada pihak sebelah sana itu?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekali lagi saya jelaskan, saya tidak menuduh kakitangan kerajaan oleh kerana saya pernah berkhidmat dalam kerajaan. Tetapi mungkin ada sistem, ada prosedur yang lemah sehingga perkara ini dibocorkan tetapi terbocor secara tidak sengaja dan selalunya pihak pembangkang dia suka menanggung di air keruh. Jadi, orang-orang ini akan menjadikan perkara yang "busut" menjadi 'bukit'. Hakikatnya itulah. Sehingga dua hari yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini Ahli dari Kepong mati-mati dia kata harga tandas RM1 juta. Saya tidak tahu betul atau tidak. Tetapi hari ini apabila Menteri Kerja Raya cabar — saya tidak tahu sama ada dia sudah pergi atau tidak untuk menjelaskan kesahihan — kerana kebocoran-kebocoran rahsia ini merbahaya.

Leakages kalau sekadar di kalangan pembangkang dalam negara, saya rasa insya-Allah, lagi. Tetapi bagaimana kalau ada kebocoran rahsia kerajaan kepada pihak yang memang mahu

mengorek rahsia kerajaan? Umpamanya, pada hari ini selalu terdapat di dalam media — terdapat beberapa golongan di Australia memang terlalu aktif dan agresif untuk mengorek rahsia-rahsia kerajaan. Bagaimana kalau industrial espionage movement berlaku di dalam negara ini? Bagaimana kalau ada political espionage movement, dengan izin, gerakan-gerakan espionage politik berlaku dalam negara ini? Saya merasa amat curiga oleh kerana sebagaimana saya katakan di dalam susunan baru dunia Islam, negara Malaysia sahajalah yang masih lagi mempunyai kepemimpinan negara yang berteraskan orang Islam. Kita harus cuak, kita harus curiga di atas situasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang saya sebutkan tadi, saya amat menyokong penuh pindaan Perlembagaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.**

4.20 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, tadi dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional ada mengatakan di antara lain, ekor kemenangan besar bagi Barisan Nasional dalam pilihan raya baru-baru ini kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipuji. Tetapi dalam hal yang penting mengenai isi kandungan Rang Undang-undang ini yang ada bertujuan untuk pinda Perlembagaan. Speaker atau Tuan Yang di-Pertua bagi Dewan Undangan Negeri atau bagi Dewan Rakyat, dengan izin, what is this entity, Speaker. Siapa ini Speaker? Apa kelayakan, what is expected of the Speaker.

Tuan Speaker, dalam hal ini, adakah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau memilih satu Speaker dan dalam Dewan Yang mulia ini juga, apabila D.P. Vijandran

ada dipilih sebagai Timbalan Speaker, dan apabila dalam kerusi di mana Yang Arif, Tuan Speaker menduduki sekarang, bolehkah seorang sebagai D.P. Vijandran duduk di sini? Jikalau .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Yan bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi. Berilah saya habis atas tajuk ini. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila dia melantik D.P. Vijandran sebagai Timbalan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu memikir dengan mendalam adakah orang ini layak, walaupun dia peguam? Ada dikatakan tadi, kelayakan seperti hakim, peguam, orang berpengalaman boleh diterima sebagai Speaker dalam Dewan Undangan Negeri, walaupun beliau tidak jadi ahli Dewan Undangan Negeri.

Dalam hal ini, Tuan Speaker apa yang perlu adalah judgement of character of the person, dengan izin, yang dilantik atau dipilih sebagai Speaker. D.P. Vijandran satu makhluk yang tidak boleh diterima sebagai satu manusia jikalau — ini berdasarkan apa yang ada dalam video lucu itu. Tetapi tidak mahu ulang-ulang apa yang ada dalam video lucu itu. Semua sudah — saya ingat — tengok apa yang ada di sana. Jika tidak boleh jumpa saya di luar. (*Ketawa*)

Apa yang penting, Tuan Speaker, adalah judgement of character.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order, 35 (9). Dalam apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan sifat sesiapa, siapa Ahli Parlimen atau Pegawai. Yang saya hendak bertanya apa kena mengena dengan Vijandran? Yang kita persoalkan perlantikan Speaker. Kalaulah Yang Berhormat ada masalah peribadi dengan Vijandran, selesailah di luar Dewan, jangan menghabiskan masa kita di sini. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan point of order. Yang Berhormat Tuan Speaker pun bersetuju dengan saya, bukan point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan point of order, bukan? Salah guna pendirian sebagai Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, yang berlaku kepada Vijandran.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya beri sebagai contoh, Tuan Speaker. Bukan dia sahaja, lagi satu contoh di Kedah, Syed Zain Barakhbah, ini semua contoh. Apakah kelayakan, apa jadi the standard expected of a Speaker? Saya baca apa yang ada dalam buku ini. *Erskine May Parliamentary Practice*, Twentieth Edition, barangkali bukan up-to-date tetapi apa yang ada di sini, still holds good. Saya baca di muka surat 234. Yang Berhormat dari Rompin boleh dengar dengan baik.

“The Chief characteristics attaching to the office of Speaker in the House of Commons are authority and impartiality”.

Bolehkah seorang sebagai D.P. Vijandran dikatakan mempunyai moral authority? Impartiality itu perkara lain. Saya baca apa yang ada di sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** "As a symbol of his authority he is accompanied by the Royal Mace which is borne before him when entering and leaving the chamber and upon state occasions by the Serjeant-at-Arms attending the House of Commons, and is placed upon the table when he is in the chair. In debate all speeches are addressed to him and he calls upon Members to speak — a choice which is not open to dispute. When he rises to preserve order or to give a ruling on a doubtful point he must always be heard in silence and no Member may stand when the Speaker is on his feet. Reflections upon the character or actions of the Speaker may be punished as breaches of privilege. His action cannot be criticised incidentally in debate or upon any form of proceeding except a substantive motion. His authority in the chair is fortified by many special powers which are referred to below. Confidence in the impartiality of the Speaker is an indispensable condition of the successful working of procedure; and many conventions exist which have as their object not only to ensure the impartiality of the Speaker but also to ensure that his impartiality is generally recognized. He takes no part in debate either in the House or in committee. He votes only when the voices are equal — then I will come to this later, Tuan Speaker — and then only in accordance with rules which preclude....."

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order 36(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kita ini bercakap untuk pemilihan Vijandran ataupun pindaan Perlembagaan tentang Speaker. Ini mengarut, ini bukan kuliah undang-undang. Bertanding lawan wanita pun menang sedikit-sedikit. Itu pun.....

**Tuan Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat, sila, apa Yang Berhormat hendak keluarkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** 36 (1), persoalannya pindaan Perlembagaan untuk memilih Speaker, bukan untuk memilih satu orang tertentu. Kita hendak memilihkan Speaker ini boleh, tidak perlu dipilih di dalam Dewan. Bukan kita hendak memilih A, B atau Z, itu saya objek, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berucap berkenaan The Speaker State, negeri-negeri yang sudah.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Termasuk apa yang what is expected, kelayakan. Bagi Dewan Undangan Negeri dan bagi Dewan Rakyat ada perbezaan, Tuan Yang di-Pertua. Apa perbezaan. Saya mahu apa yang harus ditimbang bagi Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik pun, Tuan Speaker. Apa yang saya kata tadi Tuan Speaker the impeach or impartiality, the moralised authority. Adakah bagi D.P. Vijandran lain?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan ucaplah berkenaan dengan Vijandran kerana benda itu sudah berlaku.

**Tuan R. Karpal Singh:** Berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang keduanya, semasa kita melantik dia, Yang Berhormat juga yang bersetuju (*Ketawa*) (*Tepuk*) melantik dia.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya tidak membuang undi bagi pihak dia. Ada rekod! Majoriti, saya tidak masuk dalam majoriti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya majoriti yang demikian, pada masa itu kita tidak tahu apa dia. Mana kita tahu. Benda yang terkeluar itu kemudian. Janganlah berucap. Kita berucaplah berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada kepada kita sekarang ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam masa hadapan, barangkali memberi nasihat kepada kerajaan untuk memilih.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Speaker, kita pun tak tahu Jelutong di belakang macam mana kerja dia, depan nampak baik. Belakang kita tak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan point of order, Yang Berhormat. (*Ketawa*) Sila, sila Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** That is the standard, Yang Arif. The standard we have of animal like this in this House.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua, tarik balik!

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu fikiran seorang yang jadi ahli bagi pihak Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Speaker, 36(4) kena balik.....

**Tuan R. Karpal Singh:** The mentality we have. And Tuan Speaker, stick there without taking any action.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan cukup, Speaker, you owe a duty.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Menuduh itu, Tuan Speaker!

**Tuan R. Karpal Singh:** Filthy mind of this man,.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Apa ni!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, you are stick there.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Standard yang dibuat — apa ni?

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa partiality itu, jikalau impartial, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat menggunakan perkataan 'binatang' tidak elok itu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Fikiran binatang, oleh kerana.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Fikiran binatang pun tidak boleh Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tarik balik perkataan itu!

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tarik balik Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik!

**Tuan R. Karpal Singh:** Mentality dia!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat, mentalitakah badankah, apakah, fizikalkah — itu tidak boleh dibenarkan dalam Dewan ini!

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia ada bercakap seperti itu, itu boleh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia berkata apa tadi? Dia tidak kata apa!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, teliti *Hansard*. Feedback — feedback!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik perkataan tadi!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya boleh tarik balik, itu bukan satu masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak apa!

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik, Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tarik balik!

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, itu bukan bermakna apa yang dibuat oleh Tuan Speaker tadi adil. Ia menyatakan 'di belakang' — the mentality .....(*Pembesar suara dimatikan*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baca tadi dalam *Hansard* dia kata apa perkataan keputusan-keputusan, apa dia yang dibuat oleh Speaker tidak boleh dichallenge melainkan 'on substantive motion'. Apa Yang Berhormat baca tadi? (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya terima but without reservation, because so clear, terus terang. Oleh itu Tuan Speaker, tentukan ada seorang dalam Kerusi itu within partial. Tidak boleh orang yang 'partial' — tidak boleh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan dengan ucapan. Apa yang diucapkan lagi?

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan main-main dengan saya Tuan Speaker.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** I know my right!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan sila duduklah, biarlah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang boleh dinyatakan olehnya, "inferent or otherwise, the mentality which was express just now". Itu boleh diterima!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Speaker, saya ingin membetulkan bahasa. Bila saya kata

manusia ini di hadapan elok, di belakang belum tentu eloknya! Ini Bahasa Malaysia! Kalau Ahli Yang Berhormat tidak faham Bahasa Malaysia, jangan tuduh saya ..... (*Pembesar suara dimatikan*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Yan, berucap hanya berkenaan dengan point of order sahaja. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, teruskan dengan ucapan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, teruskan — itulah masalah .....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun di belakang.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia itu?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, adalah salah kepada Peraturan Mesyuarat sebagai seorang Ahli menggunakan bahasa biadap. Jadi, bahasa biadap kita semua telah mendengar!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah tarik balik tadi, Yang Berhormat!

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau sudah tarik tidak apa! Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih — idiocy. Apa yang sudah diputuskan dia bangkitkan! (*Ketawa*)

**Tuan Noh bin Omar:** Sebab cakap berpusing-pusing — mana orang hendak faham? Cakaplah betul-betul.

**Tuan R. Karpal Singh:** Idiocy! Carry on!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong, sila teruskan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Just to make a point, idiocy over that.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silalah Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya merujuk kepada Tuan Speaker seksyen (1B) seseorang yang memilih sebagai Speaker yang tidak jadi Ahli Dewan Undangan Negeri.

Adakah peruntukan seperti ini, satu peruntukan yang baik bagi kepentingan rakyat? Ini Tuan Speaker, sebagai dalam mahkamah bolehkah ada seorang hakim Mahkamah Tinggi seperti Tuan Speaker dahulu, yang tidak layak sebagai peguam tetapi jadi hakim? Tuan Speaker, untuk ada morale authority, seorang yang telah dilantik atau dipilih sebagai Speaker tentu ada kelayakan yang sama dengan ahli-ahli dewan itu, Tuan Speaker. Jikalau tidak, beliau tidak ada apa yang dikatakan morale authority untuk 'to enforce his ruling'. Dalam fikiran saya, peruntukan (1B) yang ada di sini dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini, tidak adil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba baca (1A) yang besar itu 'atau yang layak menjadi ahli Dewan Undangan'. Jadi, dia layak menjadi ahli Dewan Undangan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Layak? Bukan dia jadi atau pada masa itu, Tuan Speaker ahli Dewan Undangan Negeri? Layak, bukan yang ada dipilih oleh rakyat! Itu lain. Siapa pun layak jikalau lebih daripada 21 tahun? Layak! Itu



bukan kelayakan, Tuan Speaker. Apa yang saya kata adalah ini 'innocent', seorang yang memegang jawatan Speaker bagi Dewan Undangan Negeri harus jadi ahli bagi Dewan itu bukan sebagai 'been to be ahli', Tuan Speaker, dalam rang undang-undang ini. Tetapi yang telah dipilih oleh rakyat apa yang saya telah katakan tadi, itu penting Tuan Speaker. Saya merayu kepada kerajaan untuk menyemak.

Tuan Speaker, ini adalah satu pindaan kepada Perlembagaan mengikut Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan. "The Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be avoid.

Tuan Speaker, ini bukan undang-undang kecil, ini undang-undang yang boleh dipinda dengan 2/3 majority. Sekarang Barisan Nasional ada 2/3 majoriti, lebih daripada itu, tetapi .....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun, di atas apa Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak minta penjelasan.

**Tuan Noh bin Omar:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, dia minta penjelasan.

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak sampai setengah minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Okay!

**Tuan Noh bin Omar:** Satu perkara tadi, berbalik kepada perenggan (1B) besar tadi, ada Tuan Speaker mengatakan — memang saya bersetuju, 'bahawa atau layak menjadi ahli Dewan Undangan' tadi. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mempertikaikan erti (1A) ini. Dia memberi contoh tadi yang berumur 21 tahun pun layak menjadi Ahli Dewan Undangan. Tetapi saya hendak bertanya, walaupun lebih dari 21 tahun, tetapi dia bankrup boleh atau tidak menjadi Ahli Dewan Undangan? Tetapi ini mesti diterjemahkan dan ditafsirkan dengan lebih meluas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah buang masa kerananya! (*Ketawa*)

Tuan Speaker, saya baca apa yang ada dalam huraian, 'the Explanatory Statement'. Itu barangkali lebih terang. Saya baca dalam bahasa Inggeris, I hope you understand. (*Ketawa*)

"An amendment is also made to section 10 to enable the Legislative Assembly of a State to elect a Speaker either from among elected members, or from among persons who are qualified to be elected members of the Legislative Assembly but who are not members of the Assembly".

Ini apa yang ada di dalam di sini, Tuan Speaker, bukan apa yang saya baca tidak ikut teks rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah point yang lain Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya masuk kepada point yang lain.

Tuan Speaker, bagi apa yang ada dikatakan tadi, khasnya oleh Ahli Yang

Berhormat dari Larut, beliau tidak bersetuju dengan pindaan 10 daripada 8 Exco. Dalam ingatan beliau apa yang perlu dibuat adalah untuk menggantikan 8 dengan 15, apa yang telah dikatakan tadi.

Tuan Speaker, tetapi apa yang perlu adalah jikalau ada 15 di sini, ada 10, siapa yang bertanggungjawab elaul-elaun, salary kepada dia? Ini menjadi beban kepada rakyat. Dan oleh itu, dalam ingatan saya apa yang ada dalam Perlembagaan sekarang mencukupi, tidak ada sebab-sebab yang munasabah untuk menggantikan angka 8 kepada angka 10.

Tuan Speaker, apa yang saya katakan tadi, kami dalam pembangkang, 'what we expect' adalah justice daripada yang pertama Tuan Speaker. Walaupun Tuan Speaker, rang undang-undang ini tidak ada kena mengena dengan Tuan Speaker Dewan Rakyat tetapi saya merayu kepada kerajaan apabila memilih seseorang atau melantik seseorang oleh kerana ada peruntukan seperti itu di sini sekarang, menentukan orang yang dipilih atau dilantik adalah orang yang baik, orang yang boleh dipercayai bukan orang seperti D.P. Vijandran. Itu sahaja, Tuan Speaker, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Marang.**

4.38 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengalami kekerapan pindaan Perlembagaan. Beberapa kali dalam mesyuarat ataupun persidangan Dewan Rakyat diadakan perbincangan tentang pindaan Perlembagaan dan kadangkala kita mengadakan persidangan khas bagi membincangkan perkara pindaan Perlembagaan. Ini menandakan bahawa Perlembagaan kita masih banyak

kelemahan-kelemahannya dan masih banyak perkara-perkara yang perlu ditambah, yang perlu dipinda.

Bagi mengurangkan kekerapan ini, adakah kerajaan membuat kajian secara menyeluruh kepada Perlembagaan itu untuk mengkaji dan melihat mana-mana ada yang lemah supaya kita mengurangkan kekerapan itu.

Dan kita perlu menyedari bukan pindaan yang dikemukakan ini sahaja dan akan ada lagi pindaan-pindaan yang lain bahkan terdapat di sana perkara yang lebih penting daripada ini yang perlu dipinda. Di antaranya ialah sebagai contoh — Jadual Kesembilan, yang berhubung dengan pentadbiran agama Islam negeri-negeri di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, masih terdapat kelemahan-kelemahan di dalam hal ini sehingga negeri-negeri yang diberi bidang kuasa untuk mentadbir hal ehwal agama Islam, tidak boleh melaksanakan undang-undang agama Islam dengan cara yang lebih berkesan. Seperti perkara yang berhubung dengan undang-undang jenayah dan berkait dengan akhlak, qisas, hudud dan lain-lain dan termasuklah yang berhubung dengan harta benda. Contohnya penyelewengan Baitulmal yang berlaku dalam Pertadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan, di mana pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan secara bersendirinya berhubung dengan penyelewengan tersebut, tidak mampu bertindak ke atas kelemahan sendiri. Ini menandakan bahawa banyak lagi perkara-perkara yang perlu dipinda dan sepatutnya pihak kerajaan membuat satu kajian yang menyeluruh.

Kami menerima hakikat perlu dipinda ini, di antaranya ialah perkara yang berhubung dengan bidang kuasa

kerajaan negeri yang dibincangkan dalam persidangan ini, berhubung dengan perlantikan Yang di-Pertua Dewan, selain daripada Ahli Dewan Negeri dan berhubung dengan menambah komposisi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada 8 kepada 10. Kita menyedari bahawa peranan Exco kerajaan negeri adalah besar. Ada di antaranya yang berperanan seperti Menteri kementerian dan mereka memegang banyak portfolio dan pembahagian adalah merupakan suatu cara untuk meringankan tugas dan tanggungjawab. Tetapi saya suka mengingatkan kerajaan supaya pemilihan itu mestilah dilakukan di atas tanggungjawab dan kewajipan yang sebenar untuk melicinkan pentadbiran kerajaan. Dalam perkara pemilihan Exco dan untuk melicinkan perjalanan Dewan Negeri, dalam perkara memilih Yang di-Pertua Dewan, bukan untuk memberi habuan kepada Wakil Rakyat yang menang dan bukan kerana sebab-sebab peribadi dan termasuk dalam masalah dalaman sebagaimana yang ditimbulkan oleh wakil Parit Sulong tadi. Bukan kerana peribadi dan masalah dalaman kerana perkara ini melibatkan wang rakyat yang banyak yang bukan sedikit jumlahnya. Dan oleh kerana itu mestilah di atas dasar tanggungjawab, di atas dasar kewajipan untuk melicinkan perjalanan Dewan Undangan Negeri dan pihak kerajaan juga mestilah menambah peranan yang lebih ramai dalam Dewan Undangan Negeri. Selama ini diberi juga peranan kepada SUK, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri. Maka saya mencadangkan supaya diberi juga peranan kepada Mufti kerana negeri juga mempunyai peranan di dalam pentadbiran agama Islam. Maka Mufti juga perlu diberi peranan dalam Majlis Kerja Kerajaan dalam mentadbir negeri supaya dalam perkara yang berkait dengan urusan agama Islam itu, dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan bahawa kami bagi pihak PAS tidak menafikan bahawa pindaan ini adalah suatu yang sangat perlu, tetapi kerajaan perlu mengambil kira kepada peringatan-peringatan yang saya kemukakan. Mestilah di atas dasar tanggungjawab dan bukan di atas dasar untuk memberi jawatan dan untuk mmeberi imbuhan dan oleh kerana PAS adalah parti yang pernah mentadbir kerajaan negeri dalam beberapa pilihan raya, iaitu tiap-tiap kali pilihan raya; maka kami menyedari hakikat ini dan memahami perkara ini disamping kami mengemukakan peringatan-peringatan yang tersebut, maka kami juga menyokong pindaan ini.

Dengan ini saya menegaskan bahawa PAS menyokong pindaan ini. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua: Yan.**

4.45 ptg.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan supaya kerajaan negeri menambah Exco daripada 8 orang kepada 10 orang dan juga menyokong perlantikan Speaker Dewan-Dewan Undangan Negeri yang datangnya bukan dari ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat memberi kepercayaan kepada kerajaan, maka kerajaan perlulah memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada rakyat. Inilah amalan demokrasi kita. Jadi, ternyata daripada keputusan pilihan raya yang lalu, rakyat telah memberi kepercayaan yang besar kepada kerajaan dan kerajaan hari ini perlu membalas budi dan memastikan bahawa kepercayaan yang diberikan oleh rakyat itu benar-benar mendapat pulangan yang sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya soalan membelanjakan wang untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat tidak timbul di dalam isu ini kerana rakyat memerlukan sebaik mungkin untuk mereka meneruskan cita-cita dan wawasan kita menuju 2020. Kalaulah kita mengirakan tentang perbelanjaan dan menyekat perkhidmatan untuk rakyat, maka rakyat sendiri akan menempelak kerajaan di masa yang akan datang. Oleh yang demikian, saya tidak bersetuju sangat dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang senantiasa mempertikaikan soal wang, malah saya kira kalau DAP memerintah Pulau Pinang, dia akan tambah Exco daripada 8 ke 15. Ini tetap dibuat oleh ahli DAP kerana mengisikan kerusi-kerusi untuk penyokong-penyokong DAP. Tetapi saya kira untuk menjadi Speaker, wakil Yang Berhormat dari Jelutong tidak layak kerana tidak berhemah tinggi dan senantiasa mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Yan, sila teruskan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terkeluar sedikit, Tuan Yang di-Pertua, fasal dia marah kepada saya tadi. (*Ketawa*)

Itu satu, keduanya, mungkin Yang Berhormat Jelutong kurang faham dengan bahasa Malaysia, orang lain kata bahasa lain, dia faham lagu lain. Jadi, yang ini saya hendak 'clear'kan supaya Jelutong ini faham bahasa Malaysia, jangan dok "jikalu" "jikalu" tetapi tidak faham perkara yang sebenarnya — susahlah kita hendak bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat semakin ramai, pertumbuhan rakyat di Malaysia semakin tinggi, zaman sains dan teknologi hari ini kita memerlukan perkhidmatan yang baik dari masyarakat, di bandar mahupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, rakyat di luar bandar pun bukan macam rakyat di luar bandar dahulu — rakyat di luar bandar dahulu, oleh kerana bapa mereka orang kampung, mereka tidak erti, dia tidak faham — bila kita beri syarahan, lebih kurang dia angguk, bila kita kata "Setuju Pak Long?", dia setuju — dia angguk. Tetapi hari ini, oleh kerana kemerdekaan yang kita capai, kerajaan telah memberi pendidikan yang baik kepada rakyat, anak-anak hari ini yang berkelulusan universiti, yang berkelulusan tinggi balik ke kampung. Jadi, kalau kerajaan tidak memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat, maka anak-anak ini akan 'membising', dia akan memberitahu kepada bapanya — "bapa, mesyuarat cawangan bising, perkhidmatan tidak ada", dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, sudah sampai masanya, pada hari ini Exco memangku jawatan dengan cukup banyak. Kadang-kadang Menteri Besar sendiri pun memegang sampai 8 atau 9 portfolio. Kadang-kadang pergi rasmi Majlis yang lain dia bersyarah perkara yang lain — terlupa, kerana terlampau banyak portfolio yang dia pegang. Jadi, saya bersetuju amat sangat supaya diperbanyakkan Exco daripada 8 ke 10 dan kita berharap Exco-Exco ini akan memberi perkhidmatan yang sebaiknya. Macamalah kita di peringkat pusat — Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen memberi perkhidmatan yang sebaiknya kepada rakyat, maka kita berharap Exco-Exco ini pun akan memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang — yang memperingati dan saya harap, Marang pun peringatlah kepada Menteri Besar Kelantan supaya jangan berebut untuk

jawatan Exco dan Timbalan Menteri Besar ini. Kadang-kadang hendak melantik — berebut APU ini, bila datang pindaan, hari itu hendak pilih Ketua Pembangkang, sudahlah 'boikot' — Semangat 46 tidak sokong PAS — macam mana perkataan ini? Bila hendak berebut jawatan EXCO negeri sokong baik-baik, bila hendak pilih Ketua Pembangkang tidak sokong — yang ini Marang kena ingat. Semangat 46 ini bukan berapa betul sangat — kawan sama kawan dia tikam. Saya bukan hendak hasut, bukan hendak melaga mereka, tidak — cuma hendak memperingati — ini cerita yang benar. Tambahan lagi duduk dengan Jelutong, bukan boleh harap sangat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dari segi kita melantik Exco-Exco ini, Exco-Exco juga perlu diberi perkhidmatan yang baik, mereka juga memerlukan pegawai-pegawai yang baik. Hari ini saya difahamkan Exco-Exco hanya mempunyai satu P.A sahaja dan saya rasa ini perlu ditambah, maka tambahlah lagi.

Jadi, saya harap Kerajaan-kerajaan Negeri memberi pegawai-pegawai yang secukupnya kepada mereka. Samalah macam menteri, ada dia punya setiausaha kanan, kiri dan sebagainya. Hak ini pun kena ada. Kalau tidak celaru, maklumlah kita ini bila berkhidmat untuk rakyat, bukan perkara yang mudah. Bila kita berkhidmat untuk rakyat, kadang-kadang kaum keluarga kita tinggal. Macam kita mai Dewan Rakyat seminggu tinggal kaum keluarga. Balik kadang-kadang anak pegang lutut, "Pak, rindu kat pak". Bukannya mudah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahulah sebab saya duduk jauh. *(Ketawa)*

Lagi satu, Tuan Speaker, kita pun di akhirat akan dituntut. Bukan boleh main-main. Tidak ada Wakil Rakyat, Tuan

Speaker, Wakil Rakyat Barisan Nasional, Wakil Rakyat Pembangkang depa masuk kawasan tidak apa. Dia kata, "Hendak buat macam mana, kita Pembangkang. Sabarlah. Bila kita menang, bolehlah". Wakil Rakyat, Tuan Speaker, masuk kampung tidak ada yang balik yang tidak bawa envelope. Mesti bawa balik envelope. Bukan angpau, Tuan Speaker, macam-macam masalah. Surat itu, surat ini, minta itu dan minta ini.

Jadi, kalau kita perbanyakkan Exco, Tuan Speaker, kerja-kerja ini kita boleh agih kepada Exco-Exco ini untuk mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka ini.

Jadi, Tuan Speaker, Exco-Exco ini perlulah juga mempunyai pengalaman. Perlulah juga mempunyai kepimpinan yang baik. Saya setuju, teladan yang baik, perangai yang baik tetapi, Tuan Speaker, saya hendak memperingatkan kepada Yang Berhormat Jelutong, dalam Islam dia percaya manusia ini baharu. Yang Berhormat Jelutong faham atau tidak? Kadang-kadang kita ini, Tuan Speaker, hari ini elok, esok perangai dia lain, dia berubah, hendak buat macam mana, manusia, baharu. Kadang-kadang lusa baik balik. Jadi, Tuan Speaker, kalau orang itu buat silap, maka Kerajaan hukum. Kerajaan Barisan Nasional macam itu. Kalau dia buat silap, dia hukum, dia tidak bela. Ini hendak pergi mana pula, Yang Berhormat? *(Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu sedang berjalan keluar dari Dewan)* Saya hendak bercakap ini. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat .....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sahabat saya, Yang Berhormat Haji Mohamad Sabu keluar. *(Ketawa)* Jadi, kita tidak boleh. Kadang-

kadang orang itu baik dari segi zahir kita nampak baik, tetapi hati dia tidak baik. Kadang-kadang ada macam Cina dia kata, dengan izin, "Nang bo ti nang, kui bo ti kui". (*Ketawa*) Hendak kata orang tidak; hendak kata hantu pun tidak. Itu pun manusia, hendak buat macam mana, tanya sendirilah. Jadi, kita tidak boleh. Kalau kawan itu, kita tidak boleh hendak tengok dia macam mana, elok atau tidak elok. Jadi, kalau dia yang melakukan kelakuan yang tidak baik, dari segi peraturan kemanusiaan, dia perlu meletakkan jawatan. Kalau dia pergi ragah orang pun, dia kena letak jawatan. Sungguhpun mahkamah kata tidak, technically dia tidak buat benda itu, tetapi kalau dia buat, dia kena turun. Maruah, Tuan Speaker.

Jadi, yang ini saya hendak peringatkan kepada Jelutong, jangan Jelutong kata, "Saya baik, saya baik". Satu hari, mana tahu, gelap mata. Ini saya hendak ingatkan, Yang Berhormat Jelutong. Kita ingat kita baik, kita bagus, tau-tau hak yang paling baik, lingkup habis. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, satu lagi fasal Speaker ini. Saya bersetuju sangat, kita pilih Speaker yang berhemah tinggi macam Tan Sri Speaker hari ini. Saya cukup sayang pada Tan Sri Speaker ini. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak berkenaan yang itu. Cakap yang lain, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Betul, Tan Sri Speaker cakaplah benda yang benar. Jadi, saya cakap yang benar. Mana hendak cari Tan Sri Speaker macam ini? Jadi, bila kita ada Speaker macam ini, bermakna kita akan menjalankan tanggungjawab de-

ngan baik. Jadi, saya bersetuju kita pilihlah Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri ini hak yang mengerti dan faham dalam menjalankan tanggungjawab dia. Yang berhemah tinggi. Dia mungkin jadi pegawai tinggi kerajaan yang telah bersara, yang bersara optional retirementkah, kita beri pada dia jadi Speaker ataupun bekas hakim-hakim ataupun peguam yang baik perangai dia. Peguam pun ada yang baik dan yang tidak baik ataupun bekas orang-orang politik, yang telah lama berpolitik dan bersara, kita ambil dan letak dia sebagai Speaker supaya bila dia duduk di atas, bila Tan Sri kata, "Tarik balik", dia tarik balik. Tidak payah empat, lima kali "tarik balik, tarik balik", tidak mahu tarik balik. Itu jenis ketegak, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, satu lagi. Saya berterima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana pada hari ini, kalau mengikut protokol, Speaker diletakkan di sebelah raja-raja. Cukup baiklah, Tuan Speaker tetapi pegawai-pegawai dia tidak cukup. Kita kena ada pegawai tambahan untuk Sepaker ini, untuk hendak merujuk. Bila persidangan Dewan-dewan Negeri, dia hendak rujuk benda-benda ini. Jadi, kalau dia sendiri hendak pergi rujuk, susah. Dia boleh arah pegawai-pegawai dia pergi rujuk ini, ini, ini supaya senang bagi dia, mudah bagi dia.

Tuan Speaker, saya juga berharap bahawa dengan ada pindaan ini, maka makin ramailah orang-orang kita yang berpolitik ini akan mengambil kesempatan untuk meng'expose'kan diri mereka untuk memegang jawatan-jawatan tertentu seperti jawatan Exco dan juga jawatan Speaker.

Pindaan Perlembagaan ini. Tuan Speaker, memang perlu. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Marang.

Tadi, Yang Berhormat Marang kata tidak boleh. Kena pinda. Kalau benda itu untuk kebaikan rakyat, kita kena pinda supaya pindaan ini untuk kebaikan rakyat.

Jadi, saya harap pembangkang, kalau kita hendak pinda hak baik, jangan dok bangkang. Ini hak baik pun bangkang. Hari ini PAS bagus, dia sokong. Yang tidak sokong ini, DAP. Sampai bila pun tidak sokong. Macam mana ini, Yang Berhormat Jelutong? Sampai dapat negeri, baru hendak sokongkah macam mana?

Tuan Speaker, saya ingat itulah sahaja pandangan saya dan saya menyokong sepenuhnya pindaan ini dan saya berharap dengan pindaan ini, maka rakyat akan sambut baik kerana pindaan inilah yang akan membela nasib rakyat, membela nasib masa depan generasi bangsa Malaysia dan kita menuju Wawasan 2020 dengan lebih tersusun, tertib dan kejayaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Machang.

4.56 .ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang ada di hadapan kita pada petang ini ialah suatu pindaan kepada suatu peruntukan yang memerlukan kuasa dua pertiga majoriti di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini sekejap tadi telah menyatakan bahawa kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas telah menjadikan tugas dan tanggungjawab kerajaan kepada rakyat

semakin bertambah tetapi pada masa yang sama, saya juga suka mengingatkan kepada kerajaan bahawa kemenangan yang besar bukanlah suatu mandat untuk melakukan sesuatu termasuk meminda Perlembagaan tanpa mempunyai motif dan tujuan yang baik untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang dikaitkan di dalam pindaan ini ialah pertambahan daripada 8 kepada 10 jumlah anggota Exco atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ura-ura menambah ini timbul selepas pilihan raya yang lepas di mana negeri-negeri sebahagian besar dalam Malaysia ini memikirkan bahawa perkembangan pesat pembangunan ekonomi di negeri-negeri berkenaan merasakan bahawa jumlah 8 orang adalah tidak mencukupi. Kita juga tahu bahawa pindaan Perlembagaan ini tidak akan menjadi undang-undang walaupun Perlembagaan dipinda tanpa diikuti dengan pindaan kepada Perlembagaan-perlembagaan Negeri yang akan dibuat di peringkat-peringkat negeri. Peruntukan yang ada di hadapan kita ini memberikan suatu peruntukan yang menyeluruh iaitu meminda daripada angka 8 kepada angka 10 untuk semua negeri-negeri di Malaysia sekarang ini.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, 8 orang daripada yang ada sekarang bagi negeri yang kecil adalah merupakan jumlah atau angka yang mencukupi. Misalannya saya sebut, tidak ada justifikasinya untuk menambah 10 anggota Exco kepada negeri Perlis, sebuah negeri yang kecil. Begitu juga, tidak ada suatu justifikasi untuk menambah 8 orang kepada 10 di negeri Melaka, iaitu negeri yang kecil.

Saya tahu negeri perlis sekarang mempunyai hanya 6 orang Exco, tidak cukup pun 8 tetapi pindaan yang menye-

luruh yang dibuat pada petang ini akan memberikan kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menambah jumlah Exco mengikut keperluan masing-masing. Di sinilah letaknya kebimbangan Yang Berhormat dari Marang, yang dibangkitkan sekejap tadi bahawa perlantikan Exco bukanlah berasaskan kepada jumlah atau keperluan untuk memperuntukkan jawatan kepada mereka yang menyokong kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik jika suatu garis panduan ataupun formula cause dibuat iaitu negeri-negeri yang mempunyai penduduk atau jumlah Ahli Dewan Undangan Negerinya adalah kecil seperti Perlis, seperti Melaka, supaya jumlah anggota Exconya tidak menjadi 10 orang. Sebab saya penuh yakin dan percaya, sebuah negeri kecil tidak memerlukan 10 anggota Exco untuk mentadbir kerana 8 peruntukan yang ada sekarang pun sudah tidak termasuk seorang Menteri Besar.

Perkiraan yang harus kita buat dalam menentu dan menambahkan jumlah anggota Exco ini ialah bukan kepada jumlahnya, tetapi yang penting ialah kepada nilai atau kualiti orang-orang yang akan dilantik menjadi Exco ini. Di Terengganu misalnya — di negeri Terengganu, negeri yang mempunyai lebih kurang 700 orang penduduk mengikut angka yang saya tahu — 700,000 orang penduduk sekarang ini, lebih kurang. Kita dapati, sebahagian besar daripada portfolio penting dibolot oleh Menteri Besar sendiri dan negeri Terengganu adalah sebuah negeri yang kaya — saya difahamkan pendapatan daripada hasil minyak sebanyak 5% setahun. Kalau kita tukar dalam bentuk wang, menjadi RM485 juta setahun. Tetapi, apa yang kita lihat, baru-baru ini kita dengar 20 orang penuntut di

Terengganu tak boleh sekolah, kerana miskin. Sebab itulah saya kata, bukan soal jumlah berapa Exco yang penting, tetapi soal nilai dan rasa tanggungjawab untuk berkhidmat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada di hadapan kita ini tentu sekali akan melibatkan beban kewangan dan beban kewangan, seperti mana yang kita semua sedia maklum, mengikut pindaan kepada peruntukan Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen dan diikuti dengan pindaan kepada Akta Saraan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, jumlah gaji Exco sekarang ditambah hampir sekali ganda. Bukan sebelum daripada pindaan ini, jumlah pindaan yang dibuat ke atas saraan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah pun diluluskan di peringkat negeri dan Ahli Parlimen di Dewan ini menambahkan beban kerajaan. Sekarang lagi, dengan penambahan dua orang anggota Exco ini, akan menambahkan lagi beban kerajaan yang terpaksa dipikul dari segi hendak membiayai.

Sepertimana yang kita tahu, seseorang Ahli Exco bukan sahaja diberi gaji ataupun menerima hak sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi atas sifatnya selaku Exco juga berhak. Dan bukan itu sahaja — berhak menuntut apa-apa ganjaran lain yang mana setelah dilantik dan menurut peruntukan undang-undang, dia berhak mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menambah jumlah ini.....

**Tuan Hashim bin Ismail:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.... ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?



**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Justifikasi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Machang — saya hendak tanya, apakah justifikasi bagi Kelantan mempunyai dua orang Timbalan Menteri Besar?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sama seperti Barisan Nasional di Sabah, buat apa tukar Ketua Menteri? Itu sahaja! Di Sabah misalnya, mengapa Barisan Nasional perlu tukar 2 tahun, 2 tahun? Barangkali kerana hendak jaga komponen dalam Barisan Nasional di Sabah. Begitu juga di Kelantan — sama sahaja apa yang dibuat oleh Barisan Nasional di Sabah, bukan? Saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiri pun faham mengapa perlu tukar 2 orang Ketua Menteri di Sabah, kemudian tukar daripada bangsa lain pula! Sama sahaja, itu sahaja rasionalnya! Itu pun tak tahu, Yang Berhormat!

**Tuan Hashim bin Ismail:** *(Bangun)*

**Tuan Noh bin Omar:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun di belakang sana.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tak ada had masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada? Ya, sila, sila.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Yang pertama tadi, hendak dapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Machang; yang kedua, peruntukan Timbalan Menteri di Kelantan ini adakah ditulis dalam Perlembagaan — bagi negeri Kelantan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan, kalau.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan mencadang, Yang Berhormat ya.....

**Tuan Noh bin Omar:** Bukan, bukan mencadang, saya hendak minta penjelasan, minta maaf. Saya hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Machang — maksudnya tadi, bila dia berbincang mengenai kuantiti, daripada 8 ke-10, adakah maksud Yang Berhormat dari Machang di Kelantan ini perlu 8 sahaja sudah cukup untuk meringankan beban Kerajaan Negeri, tak perlu tambah 10?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membaca Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan, memang. Di bawah Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan, hanya satu sahaja jawatan Timbalan Menteri Besar di bawah Perlembagaan. Sebab itu Parti Melayu Semangat 46, walaupun Timbalan Menteri Besar itu, tarafnya Exco sahaja Yang Berhormat — taraf Exco. Sebab itu kita tak minta lebih-lebih kerana kita tahu kalau kita minta lebih, gajinya akan naik dan ini akan membebankan rakyat. Ini menunjukkan keikhlasan kita di Kelantan!

Bila masuk di bawah Perlembagaan, dia berhak apa-apa semua — jawatan-jawatan dan semua gratuitinya, kelayakan-kelayakan di bawah Perlembagaan, semua dia berhak. Jadi kalau dia bertaraf Exco, dia berhak sebagai Exco biasa sahaja. Dia tidak akan melibatkan beban wang rakyat! Faham tidak prihatin kita itu?

**Tuan Noh bin Omar:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, nanti sekejap!

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan sebab saya tak faham.

Sebab saya baca dalam surat khabar, di mana-mana pun orang memanggil Timbalan Menteri Besar, orang tak panggil Exco! Kalau dia kata Exco, kita fahamlah! Sebab ada dua Timbalan Menteri Besar! Jadi, kalau hendak, kena tukar istilah Timbalan Menteri Besar itu kepada taraf Exco sahaja!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya rasa perkara itu tak berbangkit Tuan Yang di-Pertua. Itu soal style masing-masing. Ini soal style masing-masing — hendak panggil apa pun tak penting! Bukan penting pada nama, yang penting tugas kepada rakyat! Tak penting nama! Nak letak nama Menteri Besar pun tak apa, tetapi tentulah tidak munasabah, asalkan tugas dan tanggungjawab kepada rakyat itu berkesan, cukup! Itu yang kita hendak. Bukan soal nama yang penting. Tak penting soal nama!

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Machang. Tadi Yang Berhormat dari Machang ada sebut iaitu di Sabah, Ketua Menteri kita bergilir. Jadi, saya ingin penjelasan, di Kelantan, Timbalan Menteri Besar ini bergilirkah ataupun dua jawatan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itu juga soal style, Tuan Yang di-Pertua. Tadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di belakang tadi, yang berhubung dengan masalah di Kelantan mengapa dua. Sebab itu saya bangkitkan, mengapa di

Sabah perlu tukar? Itu soal style memerintah masing-masing! Budi bicara masing-masing Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan sekali lagi bahawa perkara yang penting dalam melantik ahli-ahli Exco, bukan dari segi jumlah, tetapi ialah dari segi kualiti. Kita tahu walaupun beban tugas anggota Exco di peringkat negeri bertambah, tetapi kita juga tahu bahawa Perlembagaan Persekutuan telah menyebut dengan jelas bahawa ada 3 Senarai. Yang pertama, Senarai Persekutuan; yang kedua Senarai Negeri; dan yang ketiga Senarai Bersama.

Tugas anggota-anggota Exco di peringkat negeri adalah yang paling penting sejauh mengenai Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Tugas untuk Senarai Kerajaan Persekutuan yang termaktub di bawah Perlembagaan itu dipikul oleh Menteri-menteri, cuma Exco adalah sebagai peringkat membantu, tetapi itu bukan kuasa hakiki mereka.

Sebab itulah, walaupun saya percaya Rang Undang-undang ini akan diluluskan, tetapi saya hendak mengingatkan pihak kerajaan, yang pertama, bahawa di negeri-negeri yang kecil — negeri yang mempunyai anggota Dewan Undangan yang sedikit, janganlah menggunakan kuasa ini untuk menambah sampai 10 anggota Exco. Misalannya di Perlis, walaupun undang-undang ini selepas diluluskan, ini tidak bermakna Menteri memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Perlis untuk melantik, selepas daripada ini, 10 orang anggota Exco. Kerana jika ini dilakukan, ianya ternyata membazirkan wang Rakyat. Daripada 8 sekarang, pun Perlis tak cukup kuota. Tak cukup 8 itu. Tetapi, dengan adanya pindaan ini, ini akan memberi ruang kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk bertindak mengikut pindaan ini melantik seramai mungkin anggota Exco.

Sebab itu kita mengingatkan, terutamanya dalam melantik dari segi jumlah dan kualiti Exco ini, kepentingan yang utama. Pertamanya ialah beban kewangan yang akan ditanggung oleh kerajaan dan yang keduanya berdasarkan keperluan. Negeri Selangor saya percaya perlu. Saya juga menyokong di negeri Selangor, 10 orang perlu kerana Selangor adalah sebuah negeri yang membangun dan bidang tugas dan tanggungjawabnya adalah lebih.

Begitu juga dengan negeri Johor. Saya rasa perlu di Johor. Di negeri Perak juga saya rasa perlu ditambah kepada 10. Tetapi negeri Terengganu, saya tak fikir 10 adalah suatu angka yang baik kerana ada 8 sekarang pun, sebahagian besar portfolio penting dibolot oleh Menteri Besar dan nyata Exco di sana tak buat kerja! Kalau buat kerja, tentu tak ada orang miskin, sampai tak boleh sekolah sampai 20 orang. Inilah perkara yang perlu difikirkan oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berhubung dengan perlantikan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat katakan tadi, dia kata di Terengganu ada orang miskin. Oleh kerana sebabnya ada kemiskinan, Exco tidak buat kerja. Saya hendak tanya, di Kelantan tidak ada orang miskin? Ada bukan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ada.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Kalau yang tidak bekerja, S. 46lah atau PAS. Ini tunjuk orang nampak. Keburukan sendiri tidak nampak.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menafikan. Orang miskin bukan sahaja di Kelantan, bukan sahaja di Terengganu — di Perak pun ada, di Selangor pun ada. Tetapi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan tidak pernah keluar sampai 20 orang tidak masuk sekolah. Di Terengganu sahaja, negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional dan negeri kaya pula. Di Kelantan tidak pernah berlaku. Tidak ada lagi saya dengar semenjak saya jadi Wakil Rakyat, tidak boleh hendak menghantar anak ke sekolah.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tidak pernah dengar lagi.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Ada! Penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin, apa penjelasan yang diminta itu?

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya rasa kenyataan Yang Berhormat tidak benar. Yang buruk, yang jauh nampak — yang dekat, yang dalam rumah, yang dalam bilik — tidak nampak. Inilah S. 46.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan masalah perlantikan Yang di-Pertua. Sekarang ini mengikut apa yang .....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang bangun. Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Hendak minta penjelasan, tadi dia sebut Selangor patut tambah, Johor patut tambah. Terengganu katanya mungkin patut tambah. Saya hendak tanya, Kelantan patut ditambah atau tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Ahli Dewan Undangan Negeri. Bukan hak saya hendak menentukan sama ada anggota Exco di Kelantan perlu di tambah atau tidak. Saya Ahli Dewan Rakyat, bukan Ahli Dewan Undangan Negeri.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang lagi yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit. Daripada mana dapat kenyataan 20 orang miskin yang tidak dapat bersekolah di Terengganu?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Daripada akhbar Barisan Nasional yang keluar dan orang yang buat kenyataan itu ialah Ketua Cawangan UMNO Baru sendiri.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tidak tahulah kalau akhbar ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Orang UMNO Baru sendiri. Ketua Cawangan UMNO Baru yang saya baca. Dia membuat kenyataan itu. Bukan orang PAS, orang S. 46, orang DAP.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan 20 orang ini ialah orang PAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh minta penerangan. Bukan memberi penerangan. Teruskan Yang Berhormat dari Machang ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan pindaan Perlantikan Yang di-Pertua.....

**Tuan Mohd. Isa bin Sabu:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** .....ataupun Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** .....Dewan-dewan Undangan Negeri. Nampaknya pindaan di hadapan kita sekarang ini memberi kelonggaran kepada peruntukan yang sedia ada untuk melantik Speaker Dewan Undangan Negeri bukan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri itu sendiri dan syarat yang dinyatakan di sini ialah seseorang yang layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, walaupun dia bukan Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi dia layak dilantik sebagai Speaker.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bersependapat dengan Yang Berhormat dari Jelutong yang menegaskan bahawa bentuk tugas seorang Yang di-Pertua ialah seperti seorang hakim di mahkamah. Seorang Yang di-Pertua sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri mestilah memberi perhatian dan bertindak seadil mungkin dan tentulah dalam peruntukan undang-undang yang begitu kompleks sekarang,

seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan asas tentulah tidak sesuai untuk dilantik ke jawatan ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, walaupun undang-undang ini mempunyai peruntukan yang begitu luas iaitu mana-mana orang yang layak dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, maka beliau layak dilantik menjadi Yang di-Pertua walaupun dia bukan Ahli Dewan. Ini bermakna kelulusan tidak perlu. Kelulusan tidak perlu. Pengetahuan asas tidak perlu. Latar belakangnya tidak perlu, mengikut undang-undang yang ada ini. Itu bukan syarat. Kalaulah dia itu layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, mencapai umur 21 tahun, tidak bankrap, tidak pernah disabit di mana-mana mahkamah dengan hukuman yang lebih daripada RM2,000 denda ataupun penjara untuk sekian tempoh — maknanya dia layak. Syarat-syarat ini sahaja. Pada pandangan saya, untuk dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri adalah tidak mencukupi. Saya sudah nyatakan tadi bahawa tugas seorang Speaker ialah tugas sebagai seorang hakim di mahkamah. Beliau mesti mempunyai pengetahuan asas tentang satu; perjalanan Dewan itu sendiri. Yang kedua; peraturan menggubal undang-undang. Yang ketiga; kemahiran beliau dan pengalaman beliau.

Jadi, dalam soal melantik ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila membuat perlantikan Tuan Yang di-Pertua dan Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri, perkara-perkara seperti tadi mestilah diambil kira. Dan barangkali tujuan peruntukan ini dibuat ialah supaya orang yang hendak menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri mestilah seorang yang adil dan tidak berat sebelah. Itulah barangkali matlamat yang saya nampak.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang tidak mempunyai pengetahuan asas, yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup, tidak boleh menjadi seorang yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, hormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ataupun penghormatan Ahli-ahli Dewan Rakyat kepada Speaker Dewan Rakyat ini misalannya, banyak bergantung kepada kelayakan Tuan Yang di-Pertua itu sendiri. Seperti mana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat dari Yan tadi, di dalam pengendalian Dewan ini sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk merendahkan Timbalan Yang di-Pertua — itu bukan niat saya. Tetapi kita nampak, apabila Tuan Yang di-Pertua sendiri yang mempengerusikan mesyuarat, kita nampak tenang, baik — semua orang patuh. Ini ialah kerana penghormatan Ahli-ahli Dewan Rakyat itu kepada kelayakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai seorang bekas hakim yang berpengalaman tinggi, pernah menjadi peguam, pernah menjadi Ahli Dewan, pernah menjadi anggota Exco. Yang penting ialah hakim yang boleh bertindak secara adil.

Sebab itulah apabila kita melantik Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri pada masa-masa yang akan datang, perkara-perkara seperti ini perlu diambil kira kerana kita mesti ingat dalam Dewan Undangan Negeri juga ada pembangkang. Ada pembangkang saya rasa di hampir semua Dewan Undangan Negeri dalam negara kita sekarang ini ada pembangkang. Di negeri Selangor ada pembangkang. Di Johor ada pembangkang. Di Pulau Pinang ada pembangkang. Di Kelantan pun ada pembangkang. Johor tidak ada. Johor tidak ada! Di Kelantan pun ada pembangkang.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Kenyataan ini tidak benar. Saya rasa di dalam banyak-banyak negeri, pembangkang sudah boleh dikatakan tidak ada. Di Johor tidak ada! Perlis ada? Tolong semak sedikit kenyataan ini. Sebab kalau bercakap, Yang Berhormat ini latar belakangnya peguam.....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi sebahagian besar daripada negeri-negeri, Dewan-dewan Undangan Negeri dalam negara kita ini, sekarang ini mempunyai anggota pembangkang. Kecuali ada satu dua negerilah yang tidak ada anggota pembangkang. Tetapi point yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan Undangan Negeri sekarang, boleh dikatakan hampir kesemuanya, walaupun ada beberapa buah negeri tidak ada anggota pembangkang, tetapi ada anggota pembangkang, tetapi ada anggota pembangkang. Itulah perlunya Speaker Dewan Undangan Negeri bertindak adil.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih. Hendak minta penjelasan. Adakah Speaker di negeri Kelantan pada hari ini mempunyai ciri-ciri seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Machang?

Jikalau tidak ada ciri-ciri tersebut, adakah Speaker dari Kelantan hari ini gagal menjalankan tugasnya sebagai Speaker?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan sekarang Ahli Dewan Undangan Negeri. Itu tidak berbangkit. Saya bukan pertikaikan itu. Kalau dia anggota Dewan Undangan Negeri, tidak ada masalah — dia boleh dilantik sebagai Speaker. Itu sebab dia sudah anggota Dewan Undangan Negeri tetapi yang saya perkatikan, di dalam Rang Undang-undang kita sekarang peruntukan apabila melantik seorang anggota bukan anggota Dewan Undangan negeri menjadi Speaker. Itu cukup penting. Perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, dalam perlantikan Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri selepas daripada ini, barangkali dengan apa yang akan dilakukan selepas daripada ini iaitu dengan membenarkan orang bukan anggota Dewan dilantik, kita berharap Dewan-dewan Undangan Negeri akan lebih bersikap terbuka dan manjadi ruang yang baik kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk membahaskan masalah rakyat di dalam negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan jawatan-jawatan Exco yang ada sekarang. Sebagaimana yang kita lihat di peringkat negeri sekarang, selain daripada 8 anggota Dewan Undangan Negeri yang boleh dilantik menjadi Exco, kita juga mempunyai beberapa orang ex-officio dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, anggota Exco. Misalannya Penasihat Undang-undang Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri —

mereka ini turut hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Exco dan taraf mereka ialah ahli ex-officio.

Ini tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya ada satu lagi jawatan ataupun orang yang penting, yang perlu diambil kira di peringkat untuk dilantik menduduki anggota Exco ini sama ada secara ex-officio ataupun secara pindaan perlembagaan. Yang saya maksudkan ialah jawatan mufti di dalam negeri-negeri berkenaan.

Tadi Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan sedikit berhubung dengan perkara ini. Kita tahu sekarang ini bahawa tugas anggota Exco dan kerajaan negeri semakin rumit dan cita-cita kerajaan berhasrat dalam sistem ekonomi sekarang nampaknya telah cuba untuk membawa sistem ekonomi kita kepada yang bersifat Islam atau sekurang-kurangnya memberi pilihan kepada rakyat negara ini untuk memilih sistem yang sedemikian.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, jawatan mufti adalah jawatan yang paling tinggi dalam sesebuah negeri dari segi mengeluarkan fatwa dan tugas-tugas yang telah dimaktubkan oleh Perlembagaan. Saya berpendapat adalah sampai masanya sekarang supaya semua mufti-mufti negeri kecuali Wilayah Persekutuan, mufti-mufti negeri dilantik selaku ahli anggota Exco bertaraf ex-officio. Dengan cara demikian, apa yang hendak dilakukan oleh anggota Exco, kalau Menteri Besarnya macam Menteri Besar Kelantan tak apalah, sebab dia barangkali sudah mahir dalam soal-soal ini. Di Terengganu barangkali, tak apa sedikit. Tetapi ada negeri-negeri yang tidak boleh dinafikan yang tidak mahir dari aspek ini. Maka bila mufti berada di sana, sebelum sesuatu keputusan

dibuat oleh anggota Exco berkenaan, pandangan dan buah fikiran mufti berkenaan perlu didapati terlebih dahulu, barulah kerajaan boleh bertindak mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat telah cukup masanya sekarang bahawa pindaan kepada perlembagaan negeri perlu dibuat untuk menaikkan taraf mufti sekarang ini menjadi anggota Exco supaya beliau dapat memberi nasihat secara langsung kepada kerajaan yang mentadbir di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya selain daripada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi, saya juga bersetuju dengan pindaan ini. Cuma beberapa perkara yang saya bangkitkan tadi perlulah diambil perhatian untuk tindakan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan. Kita mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat kerana bersetuju dengan pindaan perlembagaan, menambahkan lagi dua kerusi. Itu yang pertama.

Yang keduanya, memuji dengan Menteri Besar Kelantan. Saya minta penjelasan, pertamanya puji ini di Dewan, di hadapan kita atau di belakang berbeza. Yang kedua bila tambah dua Exco ini, berapa Semangat 46 hendak? (*Ketawa*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Inilah Tuan Yang di-Pertua, tengok mentality Barisan Nasional. Bila

tambah sahaja, sudah fikir, hendak berapa, hendak berapa, tengok. Fikiran itu sudah bias, prejudis. Tambah sahaja, hendak jawatan. Tambah sahaja, hendak jawatan. Kalau tidak ada jawatan, tak kerja. Kalau tidak boleh jadi Wakil Rakyat, tak sokong orang itu, menyebabkan 2,000 lebih kena pecat baru-baru ini. Inilah mentality Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya hendak penjelasan sedikit. Kita boleh umumkan ini, Semangat 46 yang lain, wanita itu, maknanya Semangat 46 tak mahu Exco lagi tambahan. Ini hakikat yang sebenar. Beritahu PAS, senang PAS tambah dua-dua orang dia.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya sudah kata tadi Tuan Yang di-Pertua, jangan beri peluang untuk bercakap pula. Saya sudah kata tadi bukan soal jumlah yang penting, soal kualiti. Janganlah kita fikir, bila nampak 8 tambah 10, ini ada peluang orang aku boleh naik. Ada Semangat 46 boleh naik, PAS hendak berapa. Tengok mentality ini, tak betul cara ini! (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit, saya bersetuju. Penjelasan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sudah teruklah Rompin, minta maaf. Cara Yang Berhormat berfikir cukup-cukup membayangkan, lepas itu bila kita kata Yang Berhormat Barisan Nasional kepentingan diri, dia

marah. Belum lulus lagi Dewan, sudah fikir berapa kerusi. Tengok mentality Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan ini. Kalau saya.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kita tidak pernah membangkitkan berapa Semangat 46 hendak, berapa PAS hendak, itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Ada, ada; tak ada, tak apa.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Oh! ya ke ini? Saya minta kalau benar ini, penjelasan kalau boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh beri atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Rompin, minta laluan dulu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kenapa sakit hati sangat ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Berilah!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Atau hendak pulang paku buah keras? Kalau hendak gunakan hujah di Kelantan untuk menutup di Pahang.... (*Pembesar suara dipadamkan*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya setuju pendapat Yang Berhormat. Penjelasan, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Rompin, diingatkan minta laluan dulu ya.



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Ya, terima kasih. Penjelasan. Saya bersetuju, yang penting itu kualiti, alhamdulillah. Tetapi benar-kah apa yang kita kata, kita kotakan. Timbalan Menteri Besar Kelantan, kenapa Semangat 46 hendak yang nombor 2 itu dia punya? Satu cukuplah. Itu saya kata, cakap tak serupa bikin. Saya rasa saya minta maaf, kalau tersalah, saya tarik balik, tak mengapa.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Susah, Tuan Yang di-Pertua, main dengan mentality orang macam ini. *(Ketawa)* Dia fikir barangkali dia berkhidmat hendak kepada jawatan. *(Ketawa)* Itu sahaja yang dia fikir, tak ada lain. Ini fresh lagi, ini Rang Undang-undang meminda Perlembagaan, tak lulus lagi, Tuan Yang di-Pertua. Lepas ini satu peringkat lagi, kemudian naik Dewan Negara, kemudian dapat Royal ascent, kemudian gezet, baru jadi undang-undang. Belum lulus lagi sudah fikir berapa jawatan. Sakit betul! *(Ketawa)*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya boleh bersetuju. Minta penjelasan sedikit, Tuan Speaker. Tetapi adakah ini benar, hakikat dalam hati, atau hanya mulut sahaja sebab wakil PAS ada. Bukan saya hendak ingatkan bahawa kalau ini hakikat yang sebenar, mengapa perlu rakyat Kelantan membayar gaji dua Timbalan Menteri Besar? Ada atau tidak penjelasan, mengapa perlu bayar dua gaji?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tadi saya sudah cakap, cukup, cukup Tuan Yang di-Pertua. Bukankah saya sudah katakan tadi? Timbalan Menteri Besar Kelantan 2 itu bukan dibayar gaji selaku Timbalan Menteri Besar! Gaji Exco biasa sahaja, itu menunjukkan kita tidak minta lebih.

Kita boleh minta, tetapi kita tidak mahu. Tadi saya sudah terangkan, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan masa itu. *(Ketawa)* Datang masuk-masuk, tak tahu hujung pangkal, asyik hendak tanya. Saya sudah jawab, banyak kali tadi, Tuan Yang di-Pertua. Tengok ini — tidak bersedia, lepas itu hendak tanya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi ini. *(Ketawa)*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya nampak macam memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Semangat 46 baik benar kerjasama dengan PAS, bekerjasama dengan PAS di Kelantan. Baru-baru ini dalam pemilihan Ketua Pembangkang, Semangat 46 tidak sokong PAS! *(Tepuk)* Ini satu lagi, cakap lain, buat lain, ini jelas! Betul atau tidak? Yang Berhormat sokong Yang Berhormat Marang untuk menjadi Ketua Pembangkang? Mengapa Semangat 46 tak mahu sokong Wakil Marang menjadi Ketua Pembangkang?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cukup, cukup! Ini sudah berucap, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan tak apa, kita gentleman, kita beri. Yang Berhormat tahu mengapa Yang Berhormat Gua Musang tidak mahu terima jawatan Ketua Pembangkang? Itulah ikhlas, dia tidak mahu duit-duit ini semua! *(Ketawa)* Itu tengok orang Semangat 46, walaupun semua orang parti hendak. DAP beri laluan, PBS beri laluan, PAS beri laluan, tetapi tidak mahu, takut dituduh oleh orang, "tengok hendak RM2,000 tambahan". Itulah Semangat 46 ikhlas. *(Ketawa)*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Beri saya. Saya hayatilah hati yang baik, buah fikiran yang baik, keikhlasan tetapi kawan yang tidur sebilik, PAS ini, mengapa tidak diberi sokongan kalau benar-benar Semangat 46 betul-betul partner dia ini sebagai PAS, kawan seperjuangan dengan PAS, Kenapa tidak diberi sokongan, cakap lain, buat lain ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cukup, cukup. Tuan Yang di-Pertua, cukup, ini sudah berucap. Saya tidak tahu orang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap atas diri saya. Saya cukup ikhlas. (*Diganggu*) Sebab itu, hari itu Yang Berhormat Kubang Kerian, saya bela Yang Berhormat Kubang Kerian. Kalau tidak dia orang PAS, buat apa saya Semangat 46 pergi bela? Tetapi saya bela dia sebab saya ikhlas. Bila saya berpadu, saya cakap berpadulah. Saya tak tahu, takut-takut orang Barisan Nasional tak ikhlas. Nampak depan baik tetapi di belakangnya cakap lain. Saya tidak tahu, saya rasa ini berlaku dalam komponen Barisan Nasional.

Dan masalah dalam parti, Tuan Yang di-Pertua, tak ada sebuah pertubuhan yang tidak ada masalah. Komponen Barisan Nasional sendiri yang ada 13-14 buah parti itu, pun ada masalah. Kalau hendak kata tidak ada masalah, bohong! Mesti ada masalah. Sama, tetapi masalah kami tidaklah sehingga memporak-perandakan parti.

**Dato' Dr. Haji Jamluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Oh! adalah masalah!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ada! Saya tidak nafi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Alhamdulillah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya percaya, saya tak nafi, saya bersifat gentleman, Tuan Yang di-Pertua, memang ada.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Machang hendak beri jalan lagi?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Boleh hendak minta penjelasan sedikit lagi? Tentang masalah ini?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** (*Bangun*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cukup, beri yang depan pula. Kawan lama, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan, ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Machang sebab tadi dia sebut bahawa kita buat kerja kerana kerja, bukan kerana jawatan. Jadi, saya hendak bertanya mengapa Yang Berhormat yang menjadi Timbalan Menteri Besar II buat kerja Exco tetapi hendak jawatan nama Timbalan Menteri Besar Ke-II? (*Tepuk*)

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat ini salah fakta. Tuan Yang di-Pertua. Tak adalah kata kita minta, 'saya nak Timbalan Menteri Besar, mesti panggil Timbalan Menteri Besar' — tidak! Tak pernah buat begitu. Tetapi kerajaan sudah beri,

panggil, panggillah. (*Ketawa*) Kita tak pernah minta jawatan, tak pernah minta.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan, ini sedap ni!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itulah nak menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, kita ikhlas, kita ikhlas.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya rasa Yang Berhormat dari Jelutong pun dia ketawa dengan Yang Berhormat. (*Ketawa*) Tadi saya minta penjelasan sedikit, kata Semangat 46 membela PAS. Ini ada dosa besar dengan PAS, belum selesai dosa kecilkah ini? Tidak menyokong PAS untuk Ketua Pembangkang, membawa satu perkara yang kononnya baik itu. Mengapa cuba nak mengaburi mata masyarakat umumkah ini?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tak guna kalau sokong, sokong. Semua orang tahu kedudukan ini. Yang Berhormat dari Rompin pun jangan menanggung di air keruh. (*Ketawa*) Yang Berhormat bukan ikan sepat. Yang Berhormat ikan haruan. Ikan sepat sahaja yang menanggung di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada masalah pindaan yang ada di hadapan kita sekarang. Sekali lagi saya meminta kepada pihak kerajaan supaya menimbang secara serius, secara penuh tanggungjawab dengan terperinci supaya menimbang cadangan saya untuk melantik mufti di tiap-tiap negeri yang ada mufti sebagai Ex-Officio Exco di dalam negeri berkenaan. Seperti yang

telah saya katakan tadi, sudah tiba masanya sekarang supaya setiap tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat-mesyuarat Kerajaan Negeri mendapat pandangan pihak ketiga dalam melaksanakan semua dasar, terutamanya dalam aspek yang berkaitan dengan hukum-hukum.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bendera, selepas itu Dato' Menteri diminta jawab.

5.33 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995.

Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dalam penggal ini sama ada Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri akan membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih maju, makmur dan saksama. Dalam 4 1/2 tahun yang akan datang kita akan menuju ke satu era yang baru, iaitu abad yang ke-21. Cita-cita rakyat Malaysia yang mahu negeri kita menjelang ke abad 21 ini sebagai satu negara yang maju, makmur, saksama dan adil dan bersatu padu akan tercapai di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang progresif, dinamik, berwawasan dan berprihatin. Dengan rancangan-rancangan dan projek-projek yang begitu

baik, dengan perkembangan ekonomi yang begitu pesat, dengan pucuk pimpinan yang berkaliber dan dengan sokongan dan kerjasama rakyat dan semua lapisan masyarakat, saya yakin bahawa Malaysia boleh menjadi satu negeri yang akan dianggap sebagai contoh oleh negara-negara lain. Dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih daripada 8% berturut-turut dalam 7 tahun kebelakangan ini, saya sangat yakin bahawa negara kita boleh mencapai matlamat-matlamat Wawasan 2020 sebelum tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi berterusan untuk mengatasi segala masalah yang mungkin timbul dari pembangunan yang pesat ini untuk menentuka satu agihan ekonomi yang lebih adil dan saksama, kita memerlukan perubahan dari sikap pendekatan dan pentadbiran. Kita memerlukan satu sikap dan pendekatan yang lebih positif di mana kita mesti ada keyakinan bahawa kita boleh menjadikan Malaysia sebagai satu negeri yang dikenali dan dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Kita perlu mengkaji semula struktur-struktur pentadbiran dan pengurusan untuk mengenalpastikan cara-cara yang lebih produktif dan lebih efisien. Misalnya, jika berkurangan kakitangan, kita patutlah menambahkan bilangan kakitangan yang sewajarnya. Kerajaan negeri sekarang pula dibebankan dengan banyak projek-projek pembangunan dan tugas-tugas untuk kepentingan rakyat. Atas alasan ini dan sebab-sebab lain, saya menyokong pindaan Perlembagaan untuk mengadakan peruntukan bagi menambahkan komposisi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan daripada 8 ke 10 dan juga membolehkan Dewan Undangan Negeri memilih seorang Yang di-Pertua yang bukan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Izinkan saya menggunakan Negeri Pulau Pinang sebagai satu contoh untuk menunjukkan betapa perlunya pindaan Perlembagaan ini. Bilangan penduduk di Pulau Pinang pada 1957 cuma 572,000 orang, tetapi bilangan penduduk semakin bertambah kepada 776,000 pada tahun 1970, sehingga sekarang pun jumlah penduduk di Negeri Pulau Pinang adalah 1.1 juta orang. Ini bermakna bilangan penduduk di Negeri Pulau Pinang telah bertambah sebanyak 86% tetapi peruntukan bilangan Exco tidak bertambah sejak tahun 1957 iaitu 38 tahun. Jika kita membanding bilangan pengundi berdaftar yang didaftarkan pada tahun 1959 dan pada tahun 1995 perbezaannya adalah 2.5 kali ganda. Selaras dengan pertambahan pengundi dan penduduk-penduduk di Pulau Pinang, bilangan kerusi pilihan raya negeri pun telah bertambah dari 24 kerusi pada tahun 1959 ke 27 kerusi pada tahun 1974 dan ke 33 kerusi pada tahun 1986. Kalau pihak pembangkang tidak membantah usul-usul menambah kerusi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1992, maka jumlah Ahli Dewan Undangan Negeri patutlah 36 ahli.

Apa jua pentadbiran syarikat, pertubuhan atau kerajaan patutlah menambah bilangan pengurusan atau kakitangannya jika tugas-tugas dan tanggungjawab bertambah berat. Begitu juga dengan komposisi Majlis Mesyuarat Negeri. Sebagai contoh, portfolio Exco Negeri Pulau Pinang setakat ini berjumlah 23. Ini bermakna seorang Ahli Exco mesti menanggung sebanyak 2 atau lebih portfolio pada amnya. Selain daripada tugas-tugas dalam kawasan masing-masing Ahli Exco juga perlu menghadiri mesyuarat penyelarasan di antara Ahli Exco dengan menteri dalam portfolio yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak sekali ialah perkembangan ekonomi Malaysia bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi bagi negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990-1994 adalah lebih daripada 12% setahun. Jadi, kita mesti mengambil kesempatan ini untuk mengekalkan prestasi ekonomi kita dan jika boleh mencapai satu prestasi yang lebih cemerlang.

Antara langkah yang boleh diambil dan untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang adalah menambahkan Ahli Exco daripada 8 orang kepada 10 orang supaya beban kerja boleh dibahagi-bahagikan dan dengan demikian tugas-tugas Exco boleh dijalankan dengan lebih efisien dan berkesan. Jika negara kita dan negeri masing-masing dapat menubuhkan rizab atau simpanan wang yang besar semasa ekonomi kita bertambah baik, barulah kita boleh menghadapi dan mengatasi apa juga masalah dan cabaran yang kita hadapi dalam kemungkinan kemerosotan ekonomi. Saya rasa Ahli Exco seramai 10 orang akan memberikan lebih banyak flexibility kepada kerajaan negeri masing-masing untuk mengagihkan portfolio mengikut keutamaan.

Walau bagaimanapun, jika ada kerajaan negeri yang menganggap tidak perlu menambah bilangan Ahli Exco walaupun ada peruntukannya, saya fikir kerajaan negeri itu tidak perlu berbuat demikian. Misalnya, ada kemungkinan negeri Kelantan tidak mampu atau tidak perlu mengisi penuh peruntukan 10 Ahli Exco itu kerana kadar pertumbuhan ekonomi begitu rendah.

Flexibility untuk memilih seorang Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dari seorang yang bukan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah satu peruntukan yang progresif dan berwawasan kerana

dengan flexibility ini kita boleh mengatasi apa juga masalah di luar jangkaan kita. Oleh sebab-sebab itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri minta menjawab.

5.45 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari komponen Parti Barisan Nasional di atas hujah-hujah yang bernas dan pandangan-pandangan yang berguna. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Machang dan Marang yang menyokong Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan kelayakan Speaker yang bukan daripada Ahli Dewan. Mengikut perkara 57(1A) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan perlantikan seseorang yang bukan Ahli Dewan tetapi layak menjadi ahli Dewan sebagai Speaker Dewan Rakyat. Pindaan yang di bentangkan pada hari ini adalah mengikuti amalan ini. Kelayakan seorang Ahli Parlimen diperuntukkan dalam Perkara 47 dan 48 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu secara perbandingan, kelayakan bagi seseorang yang layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri terkandung dalam Perlembagaan Negeri yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Marang juga menyentuh berkenaan Perlembagaan yang tidak patut atau mesti dipinda tiap-

tiap kali. Sebenarnya, Perlembagaan mesti menyesuaikan keadaan yang berada di negara kita, misalnya, untuk melicinkan perjalanan pentadbiran negeri-negeri dan negara. Jikalau Perlembagaan tidak boleh dipinda maka banyak masalah akan timbul dan akan menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang mempersoalkan negeri-negeri seperti Perlis dan Melaka tidak boleh dipinda maka banyak masalah akan timbul dan akan menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang mempersoalkan negeri-negeri seperti Perlis dan Melaka tidak boleh dipinda maka banyak masalah akan timbul dan akan menyusahkan rakyat.

Setakat itulah sahaja alasan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Persekutuan (Pindaan) 1995 memerlukan sokongan pada bacaan kali kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah-bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelah-bahagi*

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

*Pengundian dijalankan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan yang telah pun dicapai, Ahli-ahli yang bersetuju ialah 167 orang; (*Tepuk*) yang tidak bersetuju; 4 orang. (*Tepuk*) Yang tidak mengundi; Tidak ada. Ini bermakna lebih daripada dua pertiga undi majoriti yang bersetuju. (*Tepuk*) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan sekarang.

#### **YANG BERSETUJU**

1. Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik.
2. Dato' Seri S. Samy Vellu.
3. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik.
4. Datuk Leo Moggie anak Irok.
5. Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud.
6. Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar.
7. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
8. Dato' Mohamed bin Rahmat.
9. Dato' Sabbaruddin Chik.
10. Dato' Lim Ah Lek.
11. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha.

12. Datuk Law Hieng Ding.
13. Dato' Dr. Ting Chew Peh.
14. Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar.
15. Dato' Haji Annuar bin Haji Musa.
16. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
17. Datuk Osu bin Haji Sukam.
18. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.
19. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail.
20. Tuan Chua Jui Meng.
21. Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman.
22. Dato' Mustapha bin Mohamed.
23. Tuan Ong Tee Keat.
24. Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin.
25. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob.
26. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
27. Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman.
28. Dato' Loke Yuen Yow.
29. Datuk Railey bin Haji Jaffrey.
30. Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman.
31. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
32. Dr. Leo Michael Toyad.
33. Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan.
34. Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed.
35. Dato' Teng Gaik Kwan.
36. Tuan Peter Chin Fah Kui.
37. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
38. Tuan Kerk Choo Ting.
39. Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor.
40. Dato' Wong See Wah.
41. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau.
42. Datuk Dr. Fong Chan Onn.
43. Dato' Chan Kong Choy.
44. Tuan Ong Ka Ting.
45. Dato' K. Kumaran.
46. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar.
47. Datuk Dr. Ibrahim bin Saad.
48. Dato' Abu Bakar bin Daud.
49. Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam.
50. Dato' S. Subramaniam.
51. Dr. Goh Cheng Teik.
52. Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.
53. Cik Siti Zainab @ Zainabon binti Abu Bakar.
54. Tuan Idris bin Jusoh.
55. Dato' M. Mahalingam.
56. Dato' Mohd. Noh bin Rajab.
57. Tuan Douglas Uggah Embas.
58. Tuan Yong Khoon Seng.
59. Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman.
60. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah.

61. Tuan Azmi bin Khalid.
62. Datuk Salleh bin Tun Said.
63. Tun Abdul Ghafar bin Baba.
64. Tun Daim bin Haji Zainuddin.
65. Dr. Shafie bin Mohd. Salleh.
66. Tuan Chor Chee Heung.
67. Tuan Ong Tin Kim.
68. Tuan Othman bin Abdul.
69. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.
70. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.
71. Che Ibrahim bin Mustafa.
72. Tuan James Jimbun anak Pungga.
73. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.
74. Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein.
75. Dato' Abu Bakar bin Taib.
76. Tuan Tan Chai Ho.
77. Tuan Badruddin bin Amiruddin.
78. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.
79. Tuan Michael Lisa Kaya.
80. Tuan Robert Lau Hoi Chew.
81. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.
82. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.
83. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.
84. Tuan Jawah anak Gerang.
85. Puan Lim Lay Hoon.
86. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal.
87. Puan Shahrizat binti Abdul Jalil.
88. Tuan G. Palanivel.
89. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.
90. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.
91. Dr. Patau Rubis.
92. Tuan Billy Abit Joo.
93. Tuan Richard Riot anak Jaem.
94. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.
95. Datuk Nurnikman bin Abdullah.
96. Tuan Kamarudin bin Ahmad.
97. Dato' Hanafi bin Ramli.
98. Puan Rohani binti Abdul Karim.
99. Tuan Philip Yong Chew Lip.
100. Tuan Md. Isa bin Sabu.
101. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof.
102. Tuan Hashim bin Ismail.
103. Tuan Chang Kon You.
104. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis.
105. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin.
106. Tuan Ho Cheong Sing.
107. Tuan Yeong Chee Wah.
108. Tuan Chang See Ten.
109. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said.
110. Tuan Haji Mustafa bin Muda.
111. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.
112. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi.
113. Tuan Haji Husni bin Hanadzlah.
114. Puan Sukinam Domo.
115. Tuan Noh bin Omar.



116. Tuan Asmat Nungka.
117. Dr. Tan Chong Keng.
118. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman.
119. Tuan Lim Kuo Phau.
120. Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman.
121. Tuan Zainal Abidin bin Osman.
122. Tuan Yunus bin Rahmat.
123. Datuk Dr. Kamal bin Mat Salleh.
124. Dr. G. Leelavathi.
125. Datuk S'ng Chee Hua.
126. Dr. Tan Kee Kwong.
127. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.
128. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.
129. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin.
130. Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald.
131. Dato' Hon Choon Kim.
132. Tuan Hamzah bin Ramli.
133. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz.
134. Tuan Hew See Tong.
135. Tuan Lim Siang Chai.
136. Dr. Tan Yee Kew.
137. Dato' Yap Pian Hon.
138. Tuan Fu Ah Kiow.
139. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.
140. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria.
141. Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said.
142. Tuan Mansor bin Masikon.
143. Tuan Tiong Thai King.
144. Tuan Salamon bin Selamat.
145. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof.
146. Tuan Lau Ngan Siew.
147. Tuan Lim Si Cheng.
148. Tuan Chia Kwang Chye.
149. Tuan Jacob Dungau Sagan.
150. Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas.
151. Datuk Joseph Chong Chek Ah.
152. Tuan Hoo Seong Chang.
153. Dr. Ramli bin Taib.
154. Tuan Wong Kam Hoong.
155. Dr. L. Krishnan.
156. Dr. Yap Yit Thong.
157. Puan Chua Soon Bui.
158. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.
159. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.
160. Tuan Radin Malleh.
161. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.
162. Tuan Haji Mohamad bin Sabu.
163. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.
164. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.
165. Tuan Paul Noutin.
166. Tuan Henrynus Amin.
167. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

**YANG TIDAK BERSETUJU**

1. Tuan R. Karpal Singh.
2. Dr. Tan Seng Giaw.
3. Tuan Liew Ah Kim.
4. Tuan Wee Choo Keong.

**YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

*Bacaan Kali Yang Ketiga*

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan oleh sebab mengi-

kut peruntukan Perkara 15 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995 ini memerlukan sokongan pada bacaan yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu belah-bahagian diadakan. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelah-bahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

*Pengundian dijalankan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan berbelah bahagian yang telah pun diambil sekejap tadi. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 167 orang; (*Tepuk*) Yang tidak bersetuju 4 orang; Yang tidak mengundi — Tidak ada. Ini bermakna lebih 2/3 undi majoriti yang telah pun didapati. (*Tepuk*)

**YANG BERSETUJU**

1. Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik.
2. Dato' Seri S. Samy Vellu.
3. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik.
4. Datuk Leo Moggie anak Irok.
5. Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud.
6. Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar.
7. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

8. Dato' Mohamed bin Rahmat.
9. Dato' Sabbaruddin Chik.
10. Dato' Lim Ah Lek.
11. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha.
12. Datuk Law Hieng Ding.
13. Dato' Dr. Ting Chew Peh.
14. Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar.
15. Dato' Haji Annuar bin Haji Musa.
16. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
17. Datuk Osu bin Haji Sukam.
18. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.
19. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail.
20. Tuan Chua Jui Meng.
21. Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman.
22. Dato' Mustapha bin Mohamed.
23. Tuan Ong Tee Keat.
24. Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin.
25. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob.
26. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
27. Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman.
28. Dato' Loke Yuen Yow.
29. Datuk Railey bin Haji Jaffrey.
30. Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman.
31. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
32. Dr. Leo Michael Toyad.
33. Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan.
34. Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed.
35. Dato' Teng Gaik Kwan.
36. Tuan Peter Chin Fah Kui.
37. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
38. Tuan Kerk Choo Ting.
39. Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor.
40. Dato' Wong See Wah.
41. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau.
42. Datuk Dr. Fong Chan Onn.
43. Dato' Chan Kong Choy.
44. Tuan Ong Ka Ting.
45. Dato' K. Kumaran.
46. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar.
47. Datuk Dr. Ibrahim bin Saad.
48. Dato' Abu Bakar bin Daud.
49. Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam.
50. Dato' S. Subramaniam.
51. Dr. Goh Cheng Teik.
52. Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.
53. Cik Siti Zainab @ Zainabon binti Abu Bakar.
54. Tuan Idris bin Jusoh.
55. Dato' M. Mahalingam.
56. Dato' Mohd. Noh bin Rajab.
57. Tuan Douglas Uggah Embas.

58. Tuan Yong Khoon Seng.
59. Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman.
60. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah.
61. Tuan Azmi bin Khalid.
62. Datuk Salleh bin Tun Said.
63. Tun Abdul Ghafar bin Baba.
64. Tun Daim bin Haji Zainuddin.
65. Dr. Shafie bin Mohd. Salleh.
66. Tuan Chor Chee Heung.
67. Tuan Ong Tin Kim.
68. Tuan Othman bin Abdul.
69. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.
70. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.
71. Che Ibrahim bin Mustafa.
72. Tuan James Jimbun anak Pungga.
73. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.
74. Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein.
75. Dato' Abu Bakar bin Taib.
76. Tuan Tan Chai Ho.
77. Tuan Badruddin bin Amiruddin.
78. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.
79. Tuan Michael Lisa Kaya.
80. Tuan Robert Lau Hoi Chew.
81. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.
82. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.
83. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.
84. Tuan Jawah Anak Gerang.
85. Puan Lim Lay Hoon.
86. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal.
87. Puan Shahrizat binti Abdul Jalil.
88. Tuan G. Palanivel.
89. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.
90. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.
91. Dr. Patau Rubis.
92. Tuan Billy Abit Joo.
93. Tuan Richard Riot anak Jaem.
94. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.
95. Datuk Nurnikman bin Abdullah.
96. Tuan Kamarudin bin Ahmad.
97. Dato' Hanafi bin Ramli.
98. Puan Rohani binti Abdul Karim.
99. Tuan Philip Yong Chew Lip.
100. Tuan Md. Isa bin Sabu.
101. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof.
102. Tuan Hashim bin Ismail.
103. Tuan Chang Kon You.
104. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis.
105. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin.
106. Tuan Ho Cheong Sing.
107. Tuan Yeong Chee Wah.
108. Tuan Chang See Ten.
109. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said.
110. Tuan Haji Mustafa bin Muda.

111. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.
112. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi.
113. Tuan Haji Husni bin Hanadzlah.
114. Puan Sukinam Domo.
115. Tuan Noh bin Omar.
116. Tuan Asmat Nungka.
117. Dr. Tan Chong Keng.
118. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman.
119. Tuan Lim Kuo Phau.
120. Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman.
121. Tuan Zainal Abidin bin Osman.
122. Tuan Yunus bin Rahmat.
123. Datuk Dr. Kamal bin Mat Salleh.
124. Dr. G. Leelavathi.
125. Datuk S'ng Chee Hua.
126. Dr. Tan Kee Kwong.
127. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.
128. Tuan Akbarkan bin Abdul Rahman.
129. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin.
130. Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald.
131. Dato' Hon Choon Kim.
132. Tuan Hamzah bin Ramli.
133. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz.
134. Tuan Hew See Tong.
135. Tuan Lim Siang Chai.
136. Dr. Tan Yee Kew.
137. Dato' Yap Pian Hon.
138. Tuan Fu Ah Kiow.
139. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.
140. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria.
141. Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said.
142. Tuan Mansor bin Masikon.
143. Tuan Tiong Thai King.
144. Tuan Salamon bin Selamat.
145. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof.
146. Tuan Lau Ngan Siew.
147. Tuan Lim Si Cheng.
148. Tuan Chia Kwang Chye.
149. Tuan Jacob Dungau Sagan.
150. Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas.
151. Datuk Joseph Chong Chek Ah.
152. Tuan Hoo Seong Chang.
153. Dr. Ramli bin Taib.
154. Tuan Wong Kam Hoong.
155. Dr. L. Krishnan.
156. Dr. Yap Yit Thong.
157. Puan Chua Soon Bui.
158. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.
159. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.
160. Tuan Radin Malleh.
161. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.
162. Tuan Haji Mohamad bin Sabu.
163. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.
164. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

165. Tuan Paul Noutin.  
 166. Tuan Henrynus Amin.  
 167. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin  
 Haji Nik Abdullah.

**YANG TIDAK BERSETUJU**

1. Tuan R. Karpal Singh.
2. Dr. Tan Seng Giaw.
3. Tuan Liew Ah Kim.
4. Tuan Wee Choo Keong.

**YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Rang Undang-undang ini dibacakan  
 kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN  
 URUSAN YANG DIBEBASKAN  
 DARIPADA PERATURAN  
 MESYUARAT**

*6.09 ptg.*

**Menteri Kerja Raya (Dato' Seri  
 S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua,  
 saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan  
 Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis  
 Mesyuarat pada hari ini ditangguh-  
 kan sekarang. *(Tepuk)*

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri  
 Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,  
 saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli  
 Yang Berhormat, perkara seperti ini  
 jarang berlaku dalam Dewan Rakyat ini.  
*(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada suatu  
 Usul mengikut Peraturan Mesyuarat  
 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini  
 ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan  
 disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan  
 Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis  
 Mesyuarat pada hari ini ditang-  
 guhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli  
 Yang Berhormat, mesyuarat ditangguh-  
 kan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul  
 6.10 petang.*